

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELAPAN

Eight Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

Jilid II

Bil. 11

Hari Isnin

10hb Ogos, 1992

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Dndang-undaag Perbekalan Tambahan
(1991 dan 1992)(No.2)

(Ruangan 40)

Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan)

(Ruaagan 61)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Isnin, 10hb Ogos, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI BERTANYAAN-PERTANYAAN.

PERMIT TEKSI - JUMLAH PERGELUARAN

1. Tuan Haji Syed Abdul Hamid Sagaff minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) sehingga Julai, 1992 berapa banyak permit teksi yang telah dikeluarkan; dan
- (b) berapakah jumlah sebenar permit teksi yang diperlukan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah terkumpul lesen teksi dan kereta sewa yang diluluskan di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga 31hb Julai, 1992 ialah 33,373;
- (b) Pengeluaran lesen bergantung kepada permohonan yang dibuat dan ditentukan oleh kehendak permintaan dan Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan mengambilkira jumlah tambahan penduduk, pertumbuhan taman-taman perumahan dan kesesuaian infrastruktur dalam menentukan jumlah lesen yang akan dikeluarkan untuk sesebuah kawasan atau pengkalan.

Tuan Isil bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan Labuan bertaraf sebagai IOFC dan kita memerlukan tambahan-tambahan permit teksi di Pulau Labuan oleh kerana ramai pelancong-pelaneong datang ke Labuan disebabkan Labuan akan membangun pesat, maka apakah ada cadangan daripada Kementerian yang mana permit teksi akan ditaraboh di Wilayah Persekutuan Labuan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya maklumkan bahawa keperluan permohonan teksi itu adalah berasaskan kepada keperluan khidmat yang diperlukan di kawasan-kawasan tertentu dan perkara ini akan dirujuk kepada Lembaga Perlesenan yang berada di Sabah.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila Kerajaan membuat kajian sama ada sesebuah bandar itu patut ditambahkan bilangan permit teksinya, adakah Kerajaan meminta pendapat majlis-majlis tempatan?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian telahpun mengambilkira input daripada Majlis Daerah yang telah diwujudkan di peringkat negeri-negeri di mana Jawatankuasa Penasihat tentang keperluan perkhidmatan kenderaan yang berada di peringkat negeri-negeri yang menyatukan input-input keperluan daripada seraua pusat ataupun pejabat-pejabat Majlis Daerah. Dengan yang demikian, oleh kerana salah satu daripada keperluan maklumat input itu perlulah mendapat pengesahan dalam borang cadangan atau sokongan terhadap pemohon-pemohon, maka ini akan diambilkira ataupun diambilkira oleh pihak Kementerian dalam memberi pertimbangan.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Per-tua, soalan tambahan.Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sehinga kini bandar manakah yang mempunyai banyak sekali permit teksi?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Per-tua, sudah semestinyalah kawasan yang meliputi Lembah Kelang kerana keperluan di Lembah Kelang adalah mendesak dan memandangkan kepada keadaan pembangunan dan keadaan density kependudukan yang ada di kawasan bandar.

DARUL ARQAM - TINDAKAN UNDANG-UNDANG

2. Tuan Haji Azman Atar bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap penyelewengan akidah oleh kumpulan Darul Arqam yang masih mempertahankan Aurad Muhammadiyah. Apakah pihak Kerajaan yang rnenggunakan undang-undang Ekstradisi untuk rnerabawa pulang pemimpin Darul Arqam untuk diadili di negara kita ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Dr. Haji] Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan yakin dan percaya bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan setakat ini memberi kesedaran kepada masyarkat Islam di negara ini tentang penyelewengan akidah Darul Arqam. Namun begitu, tindakan-tindakan yang bersifat penguatkuasaan undang-undang telah dan sedang dilakukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan pula telah

mengharamkan semua penerbitan majalah oleh kumpulan ini. Tindakan ke atas lain-lain bahan penerbitan sentiasa dilakukan dari masa ke seraasa mengikut undang-ur.dang dan peruntukan yang ada.

Kerajaan sentiasa mengawasi kumpulan Darul Arqam supaya tidak mengancam keselamatan akidah dan ketenteraman awam di negara ini. Setakat ini Kerajaan. belum bercadang menggunakan undang-undang. Eks-tradisi untuk raembawa pulang pemimpin Darul Arqam bagi diadili di negara ini kerana masanya belum cuba.

Tuan Hajt Azman Attar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila Yang Berhormat menjawab tadi rakyat dan masyarakat telahpun sedar, adakah kerana ekoran tindakan daripada Kerajaan Barisan Nasional juga membuat masyarakat di bawah pengaruh parti PAS di Kelantan dan juga di mana-mana dalam negara kita ini sudahpun turut sedar. Kerana baru-baru ini saya difahamkan semua masjid, khatib-khatib membaca khutbah di Kelantar. semuanya menghentam Arqam. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat adakah ini satu daripada tindakan kita terdahulu membuatkan. Kerajaan PAS barulah sedar penyelewengan pertubuhan Arqam ini?

Yang kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, cara mana Kerajaan hendak mengambil ciniakan untuk mengharamkan pertubuhan Arqam ini sedangkan mereka tidak berdaftar berupa satu-satu pertubuhan?

Dato Dr. Haji Abdul Bamid bia Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, cadangan pertama itu adalah kemungkinan besar bahawa kesedaran Kerajaan-kerajaan Negeri adalah dengan tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat, termasuk juga di negeri Kelantan.

Perkara yang kedua ialah oleh kerana kurapulan ini tidak berdaftar dengan Kerajaan, strategi yang diambil ialah memberi kefahaman kepada orang ramai dan melarang mana-mana agensi Kerajaan memberikan apa-apa jua sokongan dan bantuan secara moral dan material kepada kumpulan ini.

SKIM PPRT - GOLONGAH YANG TELAH BERDIKARI

3. Tuan Haji Saidin bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan berapakah ramai rakyat termiskin yaag sejak skim PPRT dilancarkan sudah tidak termasuk lagi dalam golongan itu disebabkan dapat berdikari mengikut negeri-negeri dan memandangkan masih ramai tertinggal daripada pendaftaran, apakah Kerajaan terus menerima mereka.

Perdana Meoteri [Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad]: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dilancarkan semenjak tahun 1989, daftar rakyat termiskin yang dijadikan asas untuk agihan projek-projek di bawah PPRT hanya telah dikeluarkan pada akhir tahun 1991.

Buat masa ini, Kerajaan Persekutuan sedaag mempergiatkan usaha-usaha untuk mengesan kedudukan pendapacan keluarga temiskin semenjak PPRT dijalankan. Usaha-usaha ini akan selesai pada akhir tahun ini; dalam pengesanan ini keluarga termiskin yang telah berjaya memperolehi pendapatan melebihi garis kemiskinan termiskin akan dikeluarkan daripada daftar rakyat termiskin, Di masa yang sama mereka yang termiskin yang baru dikesan ataupun belum didaftar akan dimasukkan dalam daftar rakyat termiskin untuk tahun 1992 pula.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini

walaupun usaha-usaha mengemaskinikan daftar untuk seluruh negara belum lengkap, usaha-usaha mengemaskini daftar itu serta usaha menilai kedudukan sosio-ekonomi keluarga-keluarga termiskin ini sebenarnya dibuat secara berterusan di beberapa negeri,

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan PAS di Kelantan pada hari ini mengatakan iaitu bahawa soal kemiskinan ini satu soal yang mana ketentuan qada' dan qadar. Jadi, tidak boleh dibuat **apa**. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serajak dilaksanakan skim PPRT ini, bagaimanakah sambutan rakyat Kelantan yang miskin terhadap skim kita?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, rakyat Kelantan sama seperti. rakyat negeri lain menyambut baik usaha Kerajaan untuk meningkatkan pendapatan mereka supaya mereka tidak menjadi miskin, yang mana ini membuktikan bahawa mereka tidak percaya kepada Kerajaan mereka sendiri.

Dato' Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan carabahan. Selain dari apa yang diberi oleh Kerajaan Pusat kepada skim PPRT ini, baru-baru ini ASB juga telah memberi bantuan. Selain daripada itu, saya ingin tahu adakah apa-apa lagi Kerajaan bercadang hendak diberi kepada mereka ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-pertua kita mempunyai banyak rancangan; saya tidak dapat perhitungkan semua, tetapi pada asasnya kita percaya bahawa seseorang itu miskin kerana keadaan tertentu, dan kalau kita dapat mengatasi keadaan itu, maka mereka tidak akan lagi miskin. Dan kita tidak percaya kepada pendapat bahawa orang

yang miskin ini adalah kerana dikehendaki mereka miskin, kerana telah dihukum supaya mereka itu miskin. Kita tidak percaya kepada pendapat yang sebegini.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin Tuan Yang di-pertua, soalan tambahan. Negeri Kelantan adalah sebuah negeri yang luar biasa, dia ada mempunyai suatu Tabung Serambi Mekah. Apakah dengan pengwujudan Tabung Serambi Mekah ini boleh dikira dapat mengatasi kemiskinan ataupun kadar kemiskinan di negeri Kelantan menurun?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada penerimaan secara rasmi di mana duduknya Serambi Mekah, setengah berpendapat bahawa negeri Aceh adalah Serambi Mekah, tetapi dakwaan yang dibuat tanpa mengambilkira keadaan sebenar tidak dapat diterima oleh kita. Dalam pada itu apabila mereka mengutip wang untuk Serambi Mekah ini kita tidak diberitahu sama sekali dan rakyat juga tidak tahu banyak mana kutipan, apa yang telah dibuat untuk mengagihkan wang ini, dan sama ada dia tertumpu kepada pembasmian kemiskinan ataupun tidak. Ini Kerajaan Pusat tidaklah ada kuasa untuk membuat apa-apa, tetapi kita meraang berasa hairan.

Tuaa Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. soalan saya ini ada kaitan dengan soalan asal iaitu kita kaitkan kemiskinan dengan rakyat biasa, tetapi oleh sebab penghijrahan kaum biasanya ke bandar kedudukan sosio-ekonomi bandar berubah dan ini melibatkan kamiskinan dalam bandar, Jadi, apakah rancangan Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemiskinan dalam bandar?

Perdana Menteri; Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan kita bukan menumpukan semata-mata kepada kawasan luar bandar, tetapi kita menumpukan kepada taraf kemiskinan penduduk di- mana-taana juga mereka berada. Dan memangpun ada rancangan untuk mengenalpasti mereka yang miskin di dalam bandar dan memberi bantuan kepada mereka, Tetapi, walaupun tnasih ada ramai penghijrahan penduduk telah berlaku, kita dapati bahawa mereka yang datang ke bandar kebanyakannya mereka datang kerana melihat peluang yang terdapat di dalam bandar, dan dengan penggunaan peluang ini, maka taraf kemiskinan mereka adalah berkurangan.

PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA. MEMBURUKKAN IMEJ MALAYSIA

4. **Tuan Dahalan bin Raji Embun** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sekiranya MTUC melalui Presidennya dan Setiausaha Agung disahkan berbohong untuk menjatuhkan imej Malaysia di luar negara mengapakah pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka. Adakah ini bermakna bahawa pihak golongan pekerja-pun bersikap 'treacherous' terhadap negara yang memberi nikmat hidup untuk mereka; apakah issue yang sebenarnya; daa
- (b) mengapakah pihak Kerajaan tidak membuat suatu 'reterendum' untuk mendalami perasaan kaum pekerja sebenarnya.

11. Tuan C. Krishnan minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah tindakan-tindakan yang akan diambil terhadap pemimpin Kesatuan Sekerja yang tidak ada semangat Kebangsaan apabila mereka memburuk-burukkan Kerajaan Malaysia di dalam Persidangan-persidangan Buruh Antarabangsa.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Senator Tuan C. Krishnan iaitu soalan No. 11 pada hari ini mengenai perkara yang sama.

Timbalan yang di-Pertua: Silakan.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Sumber Manusia memang sedar bahawa ada sebilangan pemimpin-pemimpin Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang memburuk-burukkan nama baik Malaysia ini di mata dunia dengan membuat adaan yang tidak tepat terhadap dasar-dasar Kerajaan mengenai perkara-perkara perburuhan kepada organisasi-organisasi Kesatuan Sekerja luar seperti International Metalworkers Federation (IMF) dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO). Kerajaan senciassa mengawasi situasi ini dan mengkaji kesan-kesan buruk terhadap negara akibat dari tindak-tanduk mereka itu. Setakat ini perbuatan mereka ini tidak menyalahi undang-undang. Tindakan yang sewajarnya akan diambil apabila perlu, bersesuaian dengan kesan-kesan buruk yang berbangkit. Kerajaan akan terus raeraerhati dan mengawasi tindak-tanduk pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja kita yang bertindak secara sulit atau terbuka untuk kepentingan peribadi bukan untuk kepentingan kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan yakin bahawa rakyat kita terutamanya golongan pekerja sudah sedar terhadap putar belit dan tindakan-tindakan yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja ini yang menjejaskan imej dan ekonomi negara serta kepentingan masyarakat pekerja sendiri. Tindakan memburuk-burukkan imej negara di luar negeri khususnya di Persidangan Buruh Antarabangsa baru-baru ini adalah dilakukan oleh segelintir pemimpin-pemimpin MTUC yang dipercayai telah bertindak secara bersendirian tanpa mandat dari pekerja-pekerja. Oleh yang demikian, pihak pekerja tidak boleh dikaitkan dengan pemimpin-pemimpin mereka itu.

Tuan Yang di-pertua, saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa isu sebenar yang dilaung-laungkan oleh pemimpin-pemimpin MTUC adalah merupakan isu yang berkaitan dengan keengganan pihak Kerajaan membenarkan penubuhan Kesatuan Kebangsaan dalam industri elektronik.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa pendirian Kerajaan terhadap isu ini tidak berubah. Kerajaan berpendapat bahawa pekerja-pekerja kilang elektronik ini telah diberi saluran yang efektif dalam sistem Kesatuan Sekerja dalaraan (in-house Union) untuk mengadu masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dan menerima perhatian berat pihak majikan dan Kerajaan.

Saya percaya Ahli Yang Berhormat faham bahawa industri elektronik adalah salah satu industri yang sangat sensitif dan meagalarai persaingan hebat dalam pasaran antarabangsa. Oleh itu Kerajaan mempunyai tanggungjawab yang berat untuk menjamin pekerjaan bagi 120,000 pekerja industri ini dan juga sangat mengambil berat untuk mewujudkan iklim yang baik bagi menarik pelaburan asing ke negara kita.

Maka dengan mengambil kira kepentingan negara pada keseluruhannya Kerajaan berpendapat masanya belum tiba untuk membenar menubuhkan kesatuan kebangsaan bagi sektor elektronik.

- (b) Kerajaan berpendapat satu referendum untuk mendalami perasaan kaum pekerja mengenai pekerja iai tidak perlu. Kerana hanya segelintir golongan yang mendapat mandat dari pekerja-pekerja.

Tuaa Haji Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah mengikut dengan teliti jawapan Yang terhormat tadi. Yang pertama, Yang Berhormat menjawab perbuatan mereka belum ada kesalahan. Yang kedua, Yang Berhormat menjawab bahawa tindakan mereka tidak mendapat mandat daripada ahli-ahli union.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, adakah dengan jawapan mengatakan mereka itu tldak lagi bersalah ini akan membuatkan mereka lebih manja lagi, lebih bermaharajalela lagi untuk menjatuhkan nama baik Kerajaan?

Yang kedua, tidakkah bagi pihak Kerajaan terutamanya Kementerian Yang Berhormat sendiri yang bertanggungjawab dalam masalah pekerja-pekerja supaya dapat mempengaruhi ahli-ahli union supaya memberikan vote of no confidence kepada pemimpin mereka yang telah mencemarkan nama baik negara ini.

Dan akhir sekali, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, saya berpendapat perbuatan mereka ini lebih teruk, boleh kita anggap lebih kurang macam pengedar dadah juga menjahanamkan negara, menjahanamkan ekonomi negara dan berbagai-bagai lagi. Adakah Kerajaan akan mengadakan satu undang-undang yang dinamakan "Undang-undang Penderhakaan" - sesiapa sahaja rakyat Malaysia yang didapati memburuk-burukkan dan mencemar nama baik negara maka dia mesti diadakan satu undang-undang penderhakaan. Hukumannya adalah gantung sampai mati. Itu saya hendak tahu dari Yang Berhormat.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan prinsip demokrasi. Pihak Kerajaan setakat ini tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka kerana tidak ada bukti bahawa mereka telah melanggar undang-undang negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa mengawasi situasi ini dan mengkaji kesan-kesan buruk terhadap negara akibat dari tindak-tanduk mereka itu. Tindakan sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan bersesuaian dengan kesan buruk yang ditimbulkan termasuk kalau perlu menukar undang-undang.

PINJAMAN USAHAWAN - TINDAKAN KE ATAS PEGAWAI MARA

5. **Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil oleh pihak Kementerian terhadap pegawai-pegawai MARA yang keberatan untuk mendakwa usahawan yang berjaya tetapi enggan membayar hutang kepada MARA.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang

di-Pertua, MARA melalui pegawai-pegawainya telah dan sedang berusaha untuk mengutip bayaran balik pinjaman daripada usahawan-usahawan kepada MARA mengikut kaedah dan tatacara berdasarkan peraturan dan perundangan. Tindakan-tindakan mahkamah melelong tanah-tanah cagaran dan merampas balik kenderaaa diambil apabila didapati usaha-usaha lain untuk mendapat balik pinjaman menemui jalan buntu. Oleh itu masalah pegawai-pegawai MARA yang keberatan untuk mendakwa usahawan yang tidak membayar pinjaman tidak timbul.

TAHUN MELAWAT ASEAN 1992 - AKTIVITI BERSEPADU

6. **Puan Rosaliad Yau Shuk Meng** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan tentang projek-projek koordinasi yang dijalankan pada tahun melawat ASEAN untuk memastikan kegiatan-kegiatan bersama di ASEAN dapat memanfaatkan Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kemeateriaa Kebudayaan, Kesenian dan

Pelancongan [Dato' Abdul Ramaa bin Suliman]: Tuan Yang di-pertua, Tahun Melawat ASEAN 1992 merupakan satu projek usahasama serantau dengan tujuan untuk meningkatkan kedatangan pelancong dari luar ASEAN dan dari kalangan negara-negara-anggota.

Bagi mencapai tujuan tersebut, publisiti dan promosi ASEAN secara bersepadu telah dijalankan oleh ASEAN Tourism Information Centre (ATIC) yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Antara aktiviti pemasaran yang dijalankan oleh ATIC adalah menyedia dan mengedarkan Kalendar Aturcara yang mengandungi acara-acara menarik di setiap negara anggota ASEAN, poster-poster menarik yang menggambarkan keindahan alam semulajadi dan kebudayaan negara-negara ASEAN serta mendapatkan kerjasama media antarabangsa untuk menghebahkan program Tahun Melawat ASEAN 1992. Bahan-bahan promosi tersebut diedarkan di serata dunia. Cogankaca yang digunakan ialah 'Exotic ASEAN' dan 'The World's Only 6 in 1 Tropical Paradise'.

Di samping itu setiap negara ASEAN ditetapkan supaya menganjurkan sekurang-kurangnya satu acara bertaraf ASEAN yang disertai oleh setiap negara anggota. Dalam hal ini Malaysia telah memilih acara Ekspo Kraf ASEAN yang dijadualkan pada 1 hb. - 10hb November, 1992 bertempat di Kompleks Penerangan Pelancongan Malaysia (MATIC), Kuala Lumpur.

Program Tahun Melawat ASEAN 1992 sebenarnya membantu menambah keberkesanan usaha-usaha kita memperkenalkan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan. Pengenalan ASEAN sebagai destinasi-pelancongan yang menarik yang ditonjolkan di bawah program Tahun Melawat ASEAN 1992 ini sudah tentunya akan menguntungkan Malaysia juga.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, adakah bilangan pelancong ke Malaysia pada Tahun Melawat ASEAN meningkat atau menurun bila dibandingkan dengan Tahun Melawat Malaysia 1990? Jika 'meningkat atau menurun, apakah sebab-sebabnya?

Dato' Abdul Ramam bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, kita tidaklah dapat untuk membuat perbandingan kerana tahun 1992 masih lagi belum berakhir. Walau bagaimanapun kita juga pasti dari segi promosi yang kita buat, dari segi pertambahan pelancongan bagi negara-negara anggota ASEAN sudah tentulah dia tidak sama jika kita bandingkan dengan tahun melawat negara masing-masing yang telah diadakan oleh negara-negara tertentu khususnya Malaysia sendiri sudah tentulah tidak dapat membandingkan, Kerana dari segi promosi melawat ASEAN, kita lebih menumpukan supaya tiap-tiap pelancong yang datang daripada luar negara ASEAN supaya mereka datang sekurang-kurangnya lebih daripada satu negara ASEAN. Umpamanya sekiranya mereka datang ke Thailand diharapkan mereka akan datang juga ke Malaysia.

Dari segi perbandingan seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, saya tidak mempunyai perangkaan yang terperinci. Walau bagaimanapun, setengah atau sebahagian daripada negara-negara yang melawat Malaysia jika dibandingkan dengan Tahun Melawat ASEAN sehingga bulan Mei 1992 dengan Tahun Melawat Malaysia 1990 maka sudah tentulah ada perbezaan dari segi pertumbuhan kedatangan pelancong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada juga negara yang bertambah kedatangan pelancong ke negara kita, dan ada juga negara-negara yang menurun. Ini bukan disebabkan oleh barangkali tekanan kepada promosi tetapi masalah-masalah yang dihadapi oleh dunia sendiri dari segi sama ada inflasi atau dari segi sekatan-sekatan yang dibuat oleh negara-negara tertentu untuk melawat ke luar negara.

Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan terutamanya Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen kerana sejak wujudnya Kementerian ini banyak kejayaan yang telah dicapai terutaraanya apabila diadakan promosi Tahun Melawat Malaysia.

Dalam hubungan ini, pada tahun 1994 apabila diadakan sekali lagi promosi Tahun Melawat Malaysia, adakah negara-negara ASEAN berhasrat untuk memberikan bantuan kepada negara kita?

Dan kedua, adakah Kementerian dapat memastikan dalam mengadakan promosi ini, peristiwa-peristiwa yang telah ditentukan sepanjang tahun, pertunjukan kebudayaan, penyertaan Pesta Malaysia dan sebagainya agar sekurang-kurangnya tatasusila pakaian artis-artis kita mengikut etika Islam, mengikut etika orang Timur agar pakaian ini tidak menggambarkan bahawa artis dan masyarakat Malaysia bukan sebagai masyarakat yang tidak bermaruah.

Dato'Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana mengucapkan tahniah kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Walau bagaimanapun, saya inginlah menyatakan bahawa kejayaan "Tahun Melawat Malaysia 1990" bukanlah kerana Kementerian sahaja tetapi oleh kerana sokongan dan kerjasama daripada semua pihak termasuk Kementerian-Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan-yang lain serta juga pihak swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi "Tahun Melawat Malaysia 1994" yang kita anjurkan, kita rasa dan kita yakin, oleh kerana masa yang ada lebih panjang untuk perancangan jika dibandingkan dengan kita tnerancang "Tahun Melawat Malaysia 1990" dahulu, dan dengan hal demikian, kita telah mengaturkan lebih daripada 160 acara untuk "Tahun Melawat Malaysia 1994" dan acara ini mungkin bertambah lagi jika kita bandingkan dengan cadangan-cadangan baru yang sampai kepada pihak Kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat tentang masalah pakaian, insya Allah, dalam hal ini kita telahpun memperbaiki dari segi Kebudayaan Timur di mana kita di dalam industri pelancongan ini memerlukan cara yang berhati-hati kerana di samping kita menarik pelancong-pelancong, kita juga berharap bahawa pakaian kesenian dan kebudayaan kita menepati Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, dalam konteks kita yang berbagai budaya yang mana ini juga menjadi sebagai satu tarikan pelancong, maka kebudayaan-kebudayaan lain juga

dibenarkan untuk mengadakan pertunjukan-pertunjukan. Tetapi dari segi fungsi utaraa acara-acara yang diadakan sudah tentulah kita mengambilkira tentang keperluan Dasar Kebudayaan Kebangsaan kita yang mana, pertamanya, kita mahu supaya ia tidaklah bertentangan dengan agama Islam dan juga diterima oleh masyarakat kita sendiri.

PETANI DAN NELAYAN DI SABAH - BANTUAN

7. Tuan Johan B.O.T. Ghani @ Christopher minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk memberi bantuan kepada para petani dan nelayan di Sabah seperti subsidi baja, bantuan benih buah-buahan dan peralatan untuk menangkap ikan dan injin sangkut.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, sejak Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pertanian tidak lagi memberi subsidi baja, bantuan benih buah-buahan dan peralatan untuk menangkap ikan dan injin sangkut. Dasar ini adalah selaras dengan hasrat Kementerian untuk mengurangkan pergantungan petani, penternak dan nelayan kepada subsidi dan menggantikannya dengan kredit dari Bank Pertanian. Kementerian pertanian tidak bercadang untuk meneruskan pcutnberian subsidi kepada petani, penternak dan nelayan memandangkan bahawa Kementerian mahu peladang-peladang berdikari dalam mcrabangunkan projek pertanian masing-masing,-

TUNTUTAN "MONEY ORDER" - MEMINDA ATURCARA

8. Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan apakah ada sebarang program merainda aturcara Penghantaran Wang (Money Order) di mana si pengirim terpaksa raeaunggu tiga bulan baru dibolehkan membuat tuntutan ke Jabatan Pos Malaysia apabila wang tersebut dalam tempoh satu minggu tidak diterima oleh pihak penerima.

Menteri Tenaga, Telekom dan'' Pos [Dato' Seri S. Samy Vellu]:

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar tuntutan ke atas "Money Order" hanya boleh dibuat selepas tiga bulan sahaja. Mengikut amalan sekarang, tuntutan aedemikian boleh dibuat pada bila-bila masa sahaja selepas sesuatu "Money Order" dikeluarkan oleh Pejabat Pos.

Oleh yang demikian, soal meminda aturcara berhubung tuntutan "Money Order" tidak timbul.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berasa dukacita dengan jawapan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa tuntutan ini boleh diadakan pada bila-bila masa. Saya sendiri orang yang terlibat, dan saya telah pergi ke Pejabat Pos yang berkenaan hendak membuat tuntutan, Pegawai itu berkata, "sorry, lepas tiga bulan baru dapat", Apabila saya buat tuntutan kemudian, lima bulan kemudian baharu surat itu sampai ke tempat yang saya tuju...

Timbalan Yang di-Pertua: Soalannya?

Tuan Mustafa bin Awang: Soalannya, apakah ini benar cakap Menteri ataupun benar cakap pegawai yang berkenaan?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat sebut nama Pejabat Pos itu, saya akan ambil tindakan tata-tertib ke atas Post Master itu.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya akan beri segala keterangan - Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu, adakah Ahli-ahli Parlimen pada masa ketika ini raenikmati pos percuma lagi atau apakah prosedur untuk mendapatkan pos percuma itu pada masa setakat ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan, Ahli Yang Berhormat, iaitu pos percuma kepada Ahli-ahli Yang Berhormat belum ditetapkan lagi. Walaupun Pos Malaysia telah diswastakan, berkenaan dengan pengecualian pos kepada Ahli-ahli Yang Berhormat masih lagi dalam perbincangan. Saya sendiri menyokong iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat mesti diberi pengecualian itu, tetapi saya sudah membincangkan perkara itu dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan dan selepas keputusan diambil oleh kedua-dua Kementerian, selepas itu saya akan mengumumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

TAHAH DAN HUTAN - PERATUS PEMULIHAN

9. **Tuan Neo Tuan Cheng** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) berapakah peratus tanah negara kita adalah hutan kini; dan
- (b) bagaimanakah Kementerian Perusahaan Utama bercadang memulihkan (menanam semula) hutan di negara kita.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peratusan tanah negara yang diinput hutan ialah 58.9%.
- (b) Urusan memilih dan menanam semula hutan di negara ini merupakan aktiviti yang dijalankan secara berterusan melalui Majlis Perhutanam Negara semua negeri telah bersetuju untuk mewujudkan kawasan-kawasan hutan simpanan kekal di mana setiap kawasan yang telah diusahakan akan diikuti dengan kerja-kerja pemulihan. selain itu satu program penubuhan Ladang hutan telah dijalankan di Semenanjung dengan tahaman di kawasan-kawasa hutan miskin dengan pokok-pokok cepat membesar. Semenjak program ini dimulakan pada tahun 1983, adalah dijangkakan kawasan seluas 100,000 hektar akan ditanam menjelang tahun 1995. Langkah-langkah yang diambil dalam bidang ini meliputi:
 - (i) rawatan sivilkultur ke atas kawasan hutan yang telah dibalak; dan
 - (ii) tanaraan mengkaya (enrichment planting).

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya sedikit, iaitu tafsiran hutan tadi, adakah hak ini bermakna hutan dara ataupun termasuk KSK?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, kalau sebut hutan, termasuklah itu yang dara dan juga KSK. Tetapi dari segi takrif sebenarnya, hutan yang ditanam ini ialah hutan di dalam kawasan hutan simpan kekal, baru ditanam semula. Hutan dara itu bermakna hutan yang tidak boleh ditebang atau yang tidak pernah dibuka. Ini termasuk dalam kategori hutan-hutan yang tidak pernah ditebang ini termasuk tadahan air,

termasuk hutan Taman Negara ataupun hutan-hutan yang tidak diizinkan sahaja termasuk kawasan burung-burung, hidupan liar dan sebagainya,

PASUKAN SIMPANAN SUKARELA ANGKATAN TENTERA

10. **Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato'Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah response dari masyarakat atau swasta terhadap seruan Kementerian Pertahanan. untuk mereka menggalakkan pekerjaanya masuk sebagai sukarela di Pasukan Simpanan Tentera Darat, Laut dan Udara. Sekiranya response itu masih kurang lagi boleh atau tidak Kementerian:

- (a) menggesa syarikat-syarikat bersama dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera kita supaya sebahagian dari pekerja-pekerja masuk dalam Pasukan Simpanan Angkataa Tentera dan
- (b) sekiranya boleh Kementerian wujudkan satu undang-undang khas untuk menggalakkan semua bekas perajurit yang akan bersara masuk ke dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tentera Darat, Laut dan Udara.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sambutan masyarakat umum untuk menyertai Pasukan Simpanan Sukarela Angkatan Tentera masih lagi kurang memuaskan. Kementerian telah mengenalpasti punca sambutan masyarakat yang dingin dalam Pasukan Simpanan Sukarela tersebut. Antaranya adalah kurang insentif yang boleh menarik minat suka-relawan bagi menyertai pasukan ini.

Selain daripada itu, tiada undang-undang khas bagi melindungi para pekerja swasta dan Kerajaan seniasa menyertai Pasukan Simpanan Sukarela Angkatan Tentera. Beberapa langkah telah diambil bagi mengatasi masalah ini. Di antaranya ialah kempen galakan akan diperhebatkan. melalui media massa, ceramah dan penerangan bagi menggesa pekerja-pekerja dalam semua Perkhidmatan Awam dan swasta menyertai Pasukan Simpanan ini,

Bersesuaian dengan itu, fokus penyertaan akan ditujukan kepada peringkat pemimpin-pemimpin masyarakat, ketua-ketua jabatan dan ahli cendekiawan dan seterusnya golongan pekerja-pekerja muda. Suatu Undang-undang Kecil sedang diteliti untuk dikuatkuasakan oleh Kementerian bagi membolehkan semua golongan bekas tentera terus terikat dalam Pasukan Simpanan Angkatan Tetap selama 5 tahun ataupun sehingga mereka mencapai umur 50 tahun dari tarikh persaraan ataupun berhenti.

Jen. (B) Tan Sri Dato¹ Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah betul elaun yang diberi kepada Pasukan Simpanan Tentera Darat itu masih lagi di antara 7 sen ke 9 sen sahaja. Ini mungkin salah satu daripada sebabnya mengapa mereka enggan masuk dengan sukarelanya. Dan juga dengan duit 7 sen hingga 9 sen satu batu itu hendak beli kacang pun susah, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan baru-baru ini telah meluluskan satu kajian semula tentang elaun-elaun ini dan saya fikir elaun-elaun yang baru ini boleh menarik sukarelawan kita dan tidaklah sama seperti elaun-elaun yang telah diberikan dahulu. Maksudnya elaun-elaun ini telah dikaji semula.

Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Pertahanan mempunyai kekurangan kakitangan sehingga menyebabkan Kementerian memerlukan Pasukan Simpanan Tentera Sukarela?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menghadapi masalah kekurangan kakitangan, tetapi dalam mana-mana negara dalam dunia ini, Pasukan Sukarela Simpanan ini memang diadakan dengan tujuan, pertamanya, untuk meninggikan semangat semua golongan masyarakat dan menyedarkan kita tentang pentingnya mempertahankan negara. Yang keduanya, Pasukan Simpanan Sukarela ini akan dilatih dan jika berlaku keadaan-keadaan peperangan yang memerlukan, pasukan-pasukan ini akan dikerahkan sama dengan pasukan tetap yang kita ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan yang ke-11 oleh Tuan C. Krishnan telahpun dijawab tadi. Jadi saya terus pergi ke Soalan 12 Tuan Chong Chi Siong.

JURURAWAT - KEKURANGAN

12. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan kekurangan jururawat di hospital Kerajaan mengikut negeri dan beri sebabnya dan
- (b) adakah Kementerian bercadang mengimport jururawat dari luar negeri dan sebutkan negeri yang dicadangkan.

Timbalan menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebab-sebab kekurangan jururawat di Hospital Kerajaan mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut:

- (i) bersara wajib ataupun compulsory retirement mencapai umur 55 tahun;
- (ii) persaraan pilihan sendiri atau optional retirement, dengan izin;
- (iii) meletak jawatan;
- (iv) meninggal dunia;
- (v) pembinaan hospital-hospital, poliklinik di institusi-institusi baru.

Kedudukan pengisian dan kekosongan jawatan Jururawat Gred U8 pada 31hb Julai, 1992 adalah seperti berikut:

Negeri/Institusi	Jumlah Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Perlis	134	134	
Kedah	552	551	1
Pulau Pinang	725	652	73
Perak	1,193	1,089	109
Selangor	547	511	36
Negeri Sembilan	484	468	16
Melaka	323	316	7
Johor	948	918	30
Pahang	462	419	43
Terengganu	392	377	15
Kelantan	444	429	15
Hospital Besar K.Lumpur	1,481	1,290	191
Hospital Permai Johor Bahru	89	77	12.
Hospital Bahagia, Ulu Kinta	108	87	21

	Jumlah Jawatan	Pengisian	Kekosongan
Pusat Kusta Negara, Sg. Buloh	42	35	7
Pusat Tibi Negara	58	52	6
Sabah	923	851	72
Sarawak	785	745	40
Jumlah: ,	9,965	9,001	694

(b) Ya Negara-negara yaog dicadangkan ialah India, Myanmar, Vietnam dan Indonesia.

Tuan Chong Chi Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Percama, adakah Kementerian bercadang menaikkan tanggagaji supaya jawatan ini lebih menarik untuk bersaing dengan kerja-kerja lain? Kedua, adakah Kementerian bercadang melonggarkan syarat-syarat yang tertentu supaya lebih ramai anak tempatan dapat peluang memasuki perkhidmatan seperti ini?

Dato' Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat tidak mengikut perkembangan terakhir berkenaan dengan pengiktirafan Kerajaan tentang kelulusan dan juga latihan yang diberi kepada jururawat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun bersetuju untuk memperakukan bahawa latihan jururawat diiktirafkan sebagai diploma. Maka dengan sendirinya penyesuaian gaji akan berlaku di bawah SSB dan sebagainya,

Berkenaan detail ini sedang dikira dan dikaji untuk menentukan bahawa tidak ada anomali-anomali yang mungkin timbul. Jika ada, kita akan menyesuaikan dari satu masa ke satu masa.

Berkenaan dengan kelonggaran syarat-syarat, syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian dan juga SPA tidaklah boleh dilonggarkan buat sementara waktu ini oleh kerana syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah syarat-syarat yang minima.

**JABATAN PEMEGANG AMANAH RAYA DAN
JABATAN PEMEGANG HARTA - PENSWASTAAN**

13. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Harta akan diswastakan. Jika diswastakan, tidakkah ia bercanggah dengan Akta Syarikat.

Setiausaha Parlimen di-Jabatan Pertama Menteri [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini "ditafsirkan sebagai meliputi dua jabatan, iaitu Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Jabatan Pemegang Harta bagi Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pegawai Pentadbir Pusaka, ianya akan dikorporatisasikan dengan menubuh sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 dan syarikat yang akan diwujudkan itu akan dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan. Bagi Jabatan Pemegang Harta pula, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menswastakan Jabatan ini. Oleh itu, soal sama ada ianya bercanggah dengan Akta Syarikat tidak timbul.

PENDAFTARAN KELAHIRAN - SURAT PENGESAHAN DOKTOR

14. **Tuan V.K. Sellappan** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan terhadap penculikan bayi dan terus dijual kepada pihak yang tertentu, Ada juga bayi diculik dari negara-negara lain:-

- (a) adakah Kementerian berhasrat untuk merangka Rang Undang-undang mewajibkan kehadiran kedua-dua ibu bapa semasa mendaftar untuk mendapatkan surat beranak. Jika tidak mengapa;
- (b) adakah Kementerian berhasrat untuk memindahkan Undang-undang mewajibkan surat pengesahan daripada doktor 'bertauliah atau pegawai-pegawai yang berkenaan seperti Polis, Penghulu Mukim sendiri untuk memastikan kelahiran tersebut semasa mendaftar dan mengeluarkan surat beranak. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlinen Kementerian Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-pertua,

- (a) Kerajaan tidak berhasrat untuk merangka undang-undang bagi mewajibkan kedua-dua ibu bapa hadir semasa mendaftarkan kelahiran anak mereka kerana:-
 - (i) Mengikut Undang-undang yang ada mendaftar kelahiran adalah tanggungjawab yang mesti ditunaikan dalam jangkamasa yang ditetapkan;

- (ii) Undang-undang yang ada sekarang telah mencukupi kerana pemaklum yang berkelayakan terdiri daripada orang-orang yang ada hubungan dengan ibu bapa kanak-kanak.
- (b) Berdasarkan undang-undang yang sedia ada sebelum kelahiran didaftarkan, pengesahan kelahiran raelalui borang Laporan JPN 2/1 oleh Doktor atau Ketua Jururawat ataupun Bidan ataupun orang-orang yang menyambut kelahiran, hendaklah dibuat terlebih dahulu. Mereka ini lebih mahir dan mengetahui sesuatu kelahiran yang berlaku. Oleh itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk meminda peruntukan itu.

WANITA "HILANG" - PENCEGAHAN

15. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa ramai wanita "hilang" pada tiap-tiap hari dan mungkin menjadi pelacur dan apakah Langkah-langkah Kementerian untuk menyekat gejala buruk ini..

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat sedang

menyemak semula Akta perlindungan Wanita dan Gadis 1973 untuk menjadikannya lebih berkesan. Kajian tersebut akan memberi keutamaan kepada peningkatan hukuman bagi seraua kesalahan terhadap Akta ini.

Di samping itu, Kementerian ini melalui Jabatan Kabajikan Masyarakat memberi bantuan kewangan kepada keluarga khususnya keluarga yang hilang pencari nafkahnya untuk mengelakkan keluarga ini berpecah belah. Khidmat kaunseling keluarga juga dipergiatkan terutamanya kepada ~~mereka~~ yang mengalami krisis keluarga.

pertubuhan Sukarela dan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah digalakkan untuk mengadakan kursus-kursus pendidikan keibubapaan (parenting) supaya ibu bapa dapat mengasuh anak-anak mereka mengikut keperluan keadaan sosial yang semakin berubah.

Selain daripada itu, Jawatankuasa Kebajikan Juvana yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 juga telah diberi peruntukan kewangan serta galakan untuk mengadakan aktiviti-aktiviti membimbing kaum remaja ke arah yang betul dan sihat.

Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak sedang ditubuhkan di semua daerah di bawah Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991 yang mana ahlinya terdiri dari agensi Kerajaan yang berkaitan, pertubuhan sukarela dan orang-orang tempatan. Tujuannya ialah untuk memberi perlindungan kepada kanak-kanak daripada pengabaian dan kecuaian.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, umur berapakah yang diambil kira, kalau sekiranya dilapor bahawa wanita itu "hilang", jadi kalau umurnya 21 tahun, sudah tentu dia bebas untuk keluar daripada rumah dia.

Jadi, saya ingin tahu, wanita yang hutang ini had umur berapakah yang kita anggap bahawa kalau dia tinggalkan rumah dia, maka dia hilang, sekiranya ada laporan daripada ibu bapanya?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, kalau wanita yang hilang kita tidak mengira umur, tetapi yang di bawah Akta ini, wanita yang hilang di bawah umur 21 tahun.

PENGGANTUNGAN LESEN KONTRAKTOR

16. Tuan Haji Abdul Salam bin Awang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:-

- (a) ramai kontraktor-kontraktor telah didaftarkan dengan PKK pada masa ini dan ada juga yang digantung pendaftaran. Berapakah banyak lesen kepunyaan kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera yang digantung sehingga hari ini mengikut kelas masing-masing dan
- (b) apakah sebab-sebabnya lesen-lesen mereka digantung.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-pertua,

- (a) Jumlah kontraktor yang berdaftar bertaraf bumiputera yang digantung oleh Pusat Khidmat Kontraktor sehingga 29/7/1992 ialah sebanyak 30 iaitu terdiri 3 (Kelas D) dan 27 (Kelas F).
- (b) Pendaftaran kontraktor digantung atas sebab-sebab menolak tawaran, menolak sebutharga, menarik diri dari projek, menyertai tender semasa penahanan, gagal melaksanakan projek dan kontrak dimansuhkan.

PEKEBUN KECIL GETAH - GERAKAN BANCİ

17. **Puan Kalthom binti Haji Othman** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) setakat manakah kemajuan usaha pendaftaran banci pekebun kecil getah yang dijalankan oleh Kementerian. Berapa ramai yang telah dibanci dan berapa ramai pula yang belum. Apakah tujuan gerakan banci itu;
- (b) adakah benar laporan bahawa sejak gerakan banci pekebun kecil itu dijalankan di seluruh negara hanya 33.7% atau 179,626 daripada 532,516 pekebun kecil getah dibanci. Jika benar, mengapakah bilangan majoriti pekebun kecil getah itu tidak berbuat demikian.

Setiausaha parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Dato Mohamed bin Jamrah]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Setakat 2hb Ogos 1992 seramai 380,906 pekebun kecil daripada 460,911 pekebun kecil telah pun dibanci. Ini merupakan 82.6%. Seramai 80,005

pekebun kecil masih belum lagi dibanci. Tempoh banci telah dilanjutkan sehingga 15/8/1992 dan perlanjutan tempoh ini dijangka akan meningkatkan jumlah mereka yang dibanci.

Tujuan gerakan banci adalah secara umumnya untuk membantu RISDA menyenaraikan semua lot tanah getah dan pemilik-pemilik tanah getah yang ada di Semenanjung Malaysia. Maklumat-maklumat berkaitan dengan semua lot tanah getah dan juga pekebun kecil akan digunakan bagi merangka satu program yang mantap menjelang tahun 2000, selaras dengan hasrat Kerajaan yang termaktub dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua dan Wawasan 2020.

- (b) Laporan yang dimaksudkan itu adalah bagi tempoh sebelum 30hb Julai 1992. Mengenai jumlah pekebun kecil, jumlah sebenar ialah 460,911 pekebun kecil dan tidak 532,516. Ini kerana setelah disemak semula, RISDA mendapati sejumlah besar pekebun kecil yang berdaftar dua kali. Kelembapan banci pada peringkat awal ini adalah disebabkan oleh masalah-masalah berikut:-

- (i) Pekebun kecil tidak dapat ditemui kerana mereka telah berpindah ke kawasan lain dan alamat mereka tidak dapat dikesan.

- (ii) Ada di antara pekebun kecil yang masih ragu-ragu dengan tujuan dan matlamat banci yang dijalankan. Mereka bimbang jika urusan banci ini adalah merupakan satu muslihat untuk mendapatkan maklumat bagi maksud kegunaan cukai pendapatan.
- (iii) Pekebun-pekebun kecil tidak nampak akan pentingnya dan faedah-faedah yang diperolehi dengan melibatkan diri dalam banci tersebut.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat, sekiranya terdapat pekebun kecil ini enggan mendaftar kebun mereka, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan?

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah andaian sahaja, belum sampai masanya lagi. Tetapi setakat ini, kita telah mencapai peringkat hampir 83% dan dengan perlanjutan tarikh sehingga 15/8/1992 ini, kita menjangkakan hampir keseluruhan pekebun kecil akan mendaftar dan akan dibanci.

18. PROGRAM PEMBIAKAN LEMBU/KAMBING/BIRI-BIRI PAWAH

Tuan Mustafa bin Awang minta Menteri Pertanian menyatakan apakah ada sebarang program pemberian subsidi Lembu, kambing dan biri-biri pawah kepada orang-orang perseorangan akan diubah kepada Sistem Koperasi/Saham kepada yang layak menerimanya.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, tiada perumahau dibuat kepada program pemberian ternakan secara pawah kepada penternak individu.

Walau bagaimanapun, biiangan ternakan yang diberi dinaikkan sehingga 10 ekor lembu atau 50 ekor biri-biri kepada seorang penternak untuk mencapai taraf komersial yang lebih cepat. Ada masanya ternakan diberi di bawah nama individu-individu dalam satu kumpulan.

**PERUNTUKAN PERKHIDMATAN KEBAJIKAN
KEPADA KERAJAAN KELANTAN - PELAKSANAAN**

19. **Puan Hajah Zaleha binti Hussin** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan persekutuan kepada Kerajaan Kelantan di bidang kebajikan masyarakat dan bagaimanakah pelaksanaannya yang telah dilakukan di negeri tersebut.

Tuan Yong Khoon seng: Tuan Yang di-Pertua, jumlah peruntukan untuk mengendalikan Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan yang disalurkan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 1991 adalah sebanyak \$2.3 juta,

Segala pelaksanaan bantuan adalah diproses dan disiasat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kelantan. Bagi kes-kes yang sesuai menerima, maka bayaran akan dibuat setiap bulan mengikut tarikh dan hari yang telah ditetapkan. Bagi Bantuan Pelancaran dan Geran kepada pertubuhan sukarela, ianya juga dibayar oleh Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri secara sekaligus.

**THALASSAEMIA - PROGRAM KAUNSELING DAN
RAWATAN UNTUK PESAKIT**

20. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) Adakah Kementerian Kesihatan mengadakan program kaunseling atau kempen untuk mengelakkan penyakit Thalassaemia terutama sekali di luar-luar bandar memandangkan kes penyakit tersebut yang kian meningkat dan
- (b) Apakah cara rawatan yang boleh membantu pesakit tersebut.

Timbalaa Menteri Kesihatan [Dato' Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Nasihat daa kaunseling untuk penyakit Thalassaemia adalah diberi kepada seraua ibu bapa yang menghadiri klinik kanak-kanak di seluruh negara. Ianya dilakukan oleh doktor-doktor yang merawat pesakit-pesakit Thalassaemia di klinik-klinik mereka. Ibu bapa diberitahu bahawa ianya mendapat penyakit ini secara turun-menurun.

Ibu bapa selalunya adalah pembawa (carrier). Bagi tiap-tiap kandungan, kemungkinan si anak mendapat Thalassaemia ialah 25%, dengan izin, there is a 25% chance of a baby getting Thalassaemia, from our records.

- (b) Thalassaemia terdiri daripada pelbagai jenis. Banyak daripadanya tidak memerlukan pemberian darah yang selalu. Jenis B-Thalassaemia major ialah jenis yang serius. Kanak-kanak ini memerlukan rawatan transfusi darah, dengan izin, blood transfusion, bagi tiap-tiap 4-6 minggu sepanjang hayatnya. Kanak-kanak ini juga dibekalkan dengan vitarain folic acid.

Cara-cara rawatan lain ialah pemindahan sum-sum tulang ataupun bone marrow transplant. Cara ini berkemungkinan menyembuhkan pesakit tersebut. Pemberian 'Iron chelator' (Desferrioxamine), ialah salah satu daripada cara rawatan yang dijalankan di negara ini,

Bagi kanak-kanak yang terus memerlukan pemberian darah bagi tiap-tiap bulan, adalah dijangkakan bahawa tahap 'iron' (ferrum), di dalam darah/badan-saya akan meningkat. Keadaan ini apabila berlaku, akan memberi kesan yang buruk kepada pelbagai organ pesakit tersebut termasuk jantung dan hati (the heart and the-liver).

Untuk mengelakkan risiko ini, pesakit perlu diberi iron chelator dan ubat ini akan menurunkan tahap iron ataupun ferum-tersebut tadi.

KEBAKARAN DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SUBANG - PENYIASATAN

21. **Tuan, Haji Zainal bin Md. Deros** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada penyiasatan terhadap kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa, Subang sudah siap dan jika sudah, siapakah yang bertanggungjawab terhadap kebakaran, yang mengakibatkan terkorban tiga nyawa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]; Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan terhadap kebakaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang sudah siap dijalankan. Sebab kebakaran adalah dipercayai berpunca daripada kerosakan electrical circuit, dengan izin.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, dalam jangkaan Timbalan Menteri, bilakah pengubahsuaian Lapangan Terbang ini boleh disiapkan dengan sepenuhnya?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-pertua, pengubahsuaian belum lagi boleh dilaksanakan kerana Kementerian akan berbincang dahulu dengan Peguam Negara mengenai perkara-perkara yang terdapat di dalam laporan penyiasatan, dan ini penting kerana kita perlu membincangkan aspek-aspek hasil laporan tersebut yang berkaitan dengan isu-isu mengenai insurans dan implikasi perundangan dan memerlukan nasihat Peguam Negara terlebih dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekianlah sahaja sesi Soal Jawab kita untuk petang ini.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 22 hingga 74 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1991 DAH 1992) (No.2)****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [6hb Ogos, 1992]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya jemput Tuan Haji Jamaluddin bin Ahmad untuk menyambung ucapannya.

3.35 ptg.

Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya pceuang untuk menyambung ucapan saya pada hari Khamis yang lalu di mana pengakhiran ucapan saya tempoh hari ialah bersabit dengan Kementerian Belia dan Sukan. Di sini saya mengucapkan ribuan terima kasih dan syabas kepada Pasukan Barcelona yang selamat balik kembali ke tanahair dengan membawa pingat yang memberi nama negara yang cemerlang dengan mendapat dua buah pingat gangsa.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, peruntukan sebanyak \$2,500,000 adalah diminta untuk memperbaiki keadaan di Tasik Kenyir. Ini adalah satu cara bagi melicinkan perjalanan di Kementerian tersebut, tetapi apa yang saya harapkan di sini ialah bahawa Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini akan dapat juga memandang ke lain-lain tempat di negara ini supaya kawasan-kawasan pelancongan dapat di-majukan. Saya juga berharap supaya peruntukan tertentu akan dapat diberi kepada orang perseorangan sekiranya beliau ingin menjayakan tempat-tempat pelancongan lain di negara ini. Sebab kita tidak

boleh hanya bergantung perlaksanaan ini kepada Kerajaan sahaja, tetapi juga kepada orang-orang perseorangan yang kita harap boleh melaksanakannya dan Kerajaan perlu memberi bantuan-bantuan yang sepatutnya.

Di bawah Kementerian Pendidikan, tambahan sebanyak \$53,495,800 adalah diminta bagi meningkatkan pendidikan pra-sekolah dan meningkatkan pendidikan bahasa Inggeris. Saya sangat-sangat gembira di atas saranan ini, kerana pada tahun 60an dahulu bahasa Inggeris di sekolah ketika itu ditinggalkan, dan akhir-akhirnya ini sahaja baru rakyat sedar dan juga Kerajaan sedar untuk menitikberatkan kembali pendidikan bahasa Inggeris. Saya harap dapat kita tambah satu lagi iaitu bahasa Arab juga perlu diambil berat dari segi meninggikan dan menambah ilmu kepada murid-murid kita pada masa akan datang dan dengan ini saya rasa kita tidak lagi ketinggalan pada masa akan datang sama ada di dalam bahasa Inggeris, Bahasa Kebangsaan kita ataupun bahasa Arab,

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, setakat ini dahulu ucapan saya dan dengan ini saya menyokong peruntukan tambahan bagi tahun 1991 dan 1992.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Saidin bin Mohamad.

3.39 ptg.

Tuan Saidin bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang Akta perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) yang dibentangkan di dalam Dewan ini, maka saya ingin memperkatakan tentang peruntukan tambahan sebanyak hampir \$3,800,000 kepada Kementerian Luar Negeri yang mana sebahagiannya adalah bagi menempatkan perwakilan baru. Kemudahan yang perlu bagi perwakilan kita di luar negeri bukan sahaja dari segi keselamatan mereka dan keluarga mereka, tetapi lebih-lebih lagi dalam keadaan keselamatan dalam negara berkenaan yang sekarang ini tidak menentu.

Politik yang tidak stabil. Bahkan kemudahan-kemudahan bagi rakyat negara ini yang berada di negara berkenaan amat perlu sama ada kemudahan perhubungan, perkhidmatan, kebajikan dan soal-soal semasa. Justeru itu, suatu peruntukan yang sesuai terutama bagi negara-negara yang mempunyai potensi yang baik dalam urusan niaga terutamanya diberi peruntukan yang agak lebih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, daripada peruntukan yang diuntukkan juga akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan sama ada kawalan yang lebih dapat diberikan kepada rakyat negara ini di negara yang berkenaan dan sebagainya. Pendekatan suatu aspek ini amat berkesan dalam mencapai harapan rakyat negara ini. Dengan pendekatan sesuai, segala gejala buruk akan dapat dikenalpasti dan akan dapat disingkirkan. Memperkatakan tentang gejala buruk yang mungkin telah berlaku atau akan berlaku di mana baru-baru ini terdengar pelajar-pelajar negara ini telah berkahwin dengan rakyat negara lain sama ada beragama Islam atau sebaliknya adalah sesuatu yang harus diberi perhatian serius, lebih-lebih lagi pelajar wanita Islam yang berkahwin dengan bukan Islam dan mereka memeluk agama lain.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya tekankan mengenai perhatian serius Kerajaan tentang perkahwinan diantara rakyat sebuah negara dengan negara yang lain ialah tentang muslihat perkahwinan itu, Bagi kita rakyat negara yang tercinta ini mempunyai sifat-sifat hormat-menghormati, lemah-lembut dan bersopan santun, begitu mudah

sekali menerima sesuatu. Sejarah ada menunjukkan betapa rakyat sebuah negara di sebelah Timur ini telah berkahwin dengan rakyat sebuah negara-di Eropah yang melibatkan perkahwinan. seperti itu yang tana muslinat perkahwinan itu tidak siapa yang tahu, tetapi setelah beberapa tahun kemudian, keadaan di negara itu telah tercetus huru-hara dan sebagainya secara saraf antara sebuah daerah dengaa daerah yang lain. Pergaduhan di antara daerah dengan daerah yang lain berlaku. Dalam keadaan itulah negara asal si lelaki tadi telah melakukan serangan dan akhirnya menakluki negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, jikalau benar ada di kalangan pelajar Islam di negara ini yang menuntut di negara asing telah berkahwin dan memeluk agama lain, ini adalah amat menyedihkan. Dahulu, beberapa tahun yang lalu, heboh tentang pelajar-pelajar kita berkahwin kontrak. Mengikut jawapan Timbalan Menteri Pendidikan dalam Dewan ini, seolah-olah menafikan kejadian itu dan menyatakan Kementerian Pendidikan dalam masa pelajar-pelajar berada di negara ini, memang memberi pendidikan agama. Soalnya dalam masa pelajar-pelajar berada dalara negara, tidak timbul persoalan tetapi soalnya sentiasa pelajar-pelajar berada. di negara lain berbagai gejala buruk diresapi. Walau bagaimanapun, oleh sebab angin sudah bertiup, daun mulai bergoyang, justeru itu, daripada peruntukan yang diuntukkan, diharap setiap tindakan peadekatan dapat dilaksanakan, Majlis perjumpaan dengan pelajar-pelajar kita biarlah selalu diadakan.

Persatuan pelajar-pelajar haruslah lebih berfungsi. Pelajar-pelajar kita itu adalah harapan bangsa dan negara kita. Bagaimana bentuk acuan, begitulah bentuk negara kita yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya mengetahui apakah kuliah-kuliah ataupun ceramah-ceramah agama Islam yang berfikiran luas, tidak fanatik seringkali diadakan atau telah disusun dan dilaksanakan ataupun pihak Kementerian Luar akan mempertingkatkan lagi semua sudut yang diperlukan agar di masa-masa hadapan tidak berulang lagi cetusan-cetusan yang membimbangkan rakyat di negara kita. Begitu juga di segi kepentingan lain, Apakah juga suatu langkah dibuat, contohnya kursus-kursus ataupun ceramah-ceramah sivik?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Pendidikan, inginlah saya juga memperkatakan serba sedikit pendidikan pra-sekolah suatu yang harus dipandang paling penting dalam mencapai Wawasan. 2020. Sebelum berakhirnya Wawasan 2020, kanak-kanak pra-sekolah itu telah menjadi pemimpin, pemimpin Wawasan 2020, pemimpin sains dan teknologi. Kalaupun pada masa ini, kanak-kanak sebelum meningkat 10 tahun sudah boleh menghafal Al-Quran 30 juz bagi sesetengah negara, betapa tidak bagi negara kita mendidik melalui pra-sekolah mencapai kehendak-kehendak negara kita. Bukankah pada suatu zaman dahulu, sebuah empayar telah dilahirkan dengan pendidikan ala-tentera bermula daripada pra-sekolah. Bahkan jaguh-jaguh sukan, jaguh-jaguh seni yang handal-handal juga bermula daripada pra-sekolah,

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu pendidikan pra-sekolah yang dikendalikan oleh badan-badan sukarela, swasta, KEMAS, Kementerian perpaduan dan sekarang ini di bawah Kementerian Pendidikan pula perlulah diselaraskan agar suatu masih, kelak membuahkan aaggota-anggota masyarakat Malaysia yang lebih gemilang. Sejak kebelakangan ini, pendidikan melalui swasta dan pertubuhan-pertubuhan sukarela telah menimbulkan keadaan yang tidak seimbang. Ada sekolah-sekolah rendah ini menerima kanak-kanak pra-sekolah swasta itu yang pandai tetapi "memandai" sehingga guru sukar untuk mengawal dan membendung dan akhirnya kanak-kanak itu gagal mencapai pernbelajarannya.

Tuan Yang di-pertua, sejak KEMAS menganjurkan TBK kira-kira 20 tahun dahulu hingga ke hari ini banyak sudah memberi pertolongan yang amat berfaedah kepada sekolah-sekolah rendah. Ramai di kalangan mereka sekarang telah masuk gerbang universiti dan ada yang mendapat tempat-tempat yang baik dalam arena masing-masing. Apa yang saya ingin tahu di sini satna ada pihak Kementerian (KPNLB), MAMPU ataupun Lain-lain itu membuat satu penyelidikan dan kajian dan mengemukakan pandangan-pandangan dan syor-syor kepada pihak yang berkenaan bagi menentukan arah perjalanan TBK KEMAS supaya pengajaran melalui zaman 2020 dengan pembongkaran dan penonjolan jaguh-jaguh dan tokoh-tokoh yang mengharumkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada itu keadaan pra-sekolah yang dianjurkan oleh swasta termasuk persatuan-persatuan, Kerajaan harus membuat penyelidikan sama ada keadaan pra-sekolah mereka ada

penyelewengan daripada kehendak-kehendak pembangunan negara terutama sekali pertubuhan-pertubuhan politik seperti PAS, pertubuhan agama seperti Arqam, Buddhist dan sebagainya. Andainya anjuran daripada badan-badan itu boleh merosakkan pemikiran kanak-kanak dan seterusnya boleh menjejaskan pembangunan negara satu tindakan yang berkesan harus diambil.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja ucapan saya sebagai menyokong Rang Undang-undang yang tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yaug di-Pertua: Saya menjemput Setiausaha Parlimen untuk menjawab, dipersilakan.

3.48 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustapa bin Mohamed]: Tuan Yang di-pertua, saya bangun untuk menggulung perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992)(No.2) 1992.

Sukalah saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada setiap Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam membahas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini secara khususnya kepada Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar, Yang Berhormat Tuan Dahalan, Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, Yang Berhormat Tuan Munisamy, Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah, Yang Berhormat Tuan Sellapan, Yang Berhormat Tuan Haji Nazri, Yang Berhormat Tuan Haji Jamaludin, Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King, Yang Berhormat Dato' Azumu, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad, Yang Berhormat Tuan Ghazali dan Yang Berhormat Tuan Saidin.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk memberi penjelasan ke atas setiap pemerhatian, teguran, cadangan dan syor-syor yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang berhormat yang telah mengambil bahagian. Sungguhpun demikian, suka saya memberi jaminan bahawa perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan ini semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan walaupun sebahagianya memang sudah sedia dalam pemerhatian Kerajaan, perkara-perkara tersebut akan diambil perhatian yang sungguh-sungguh khususnya oleh agensi-agensi yang terlibat dalam perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan termasuklah peranan perwakilan Malaysia di luar negeri, program di bawah Kementarian Pendidikan khususnya soal pra-sekolah, pembelajaran Bahasa Inggeris, pembelajaran muzik, kawalan pra-sekolah swasta, masalah pelajar Malaysia di luar negeri, pembelajaran Bahasa Tamil, Sukan Komanwel, kedudukan free postage, dengan izin, kepada pihak-pihak yang menikmati kemudahan selepas Jabatan Pos diperbadankan dan soal kuasa yang meluluskan, dengan izin, cost overrun.

Syor-syor telah juga dikemukakan yang antara lain termasuklah penubuhan sebuah tabung untuk menolong golongan malang di luar negeri, penyertaan Ahli Dewan ini dalam rombongan lawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Yang di-Pertuan Agong, pinjaman kepada kakitangan Kerajaan untuk membeli komputer dan perlantikan

semula guru-guru yang telah bersara khususnya untuk mengajar Bahasa Inggeris. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang perhatian serta syor mereka tidak saya sebutkan, saya suka memaklumkan sekali lagi bahawa pemerhatian syor-syor tersebut adalah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pertama sekali menyentuh soal kuasa meluluskan cost overrun, dengan izin. Sebagaimana kita sedia maklum, setiap sen perbelanjaan yang dilakukan perlu didasarkan kepada peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen. Dalam keadaan perbelanjaan perlu dibuat segera dan jumlahnya melebihi peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen, Yang Berhormat Menteri Kewangan diberikan kuasa untuk meluluskan perbelanjaan berkenaan itu melalui peruntukan di bawah kumpulan wang luar jangka. Jumlah peruntukan yang dibenarkan bagi Menteri Kewangan meluluskan peruntukan pada tahun ini ialah \$850 juta. Bagi setiap peruntukan tambahan yang didahulukan melalui kumpulan wang ini, pengeluaran pendahuluan itu hendaklah dibentangkan di persidangan Parlimen secepat mungkin. Untuk makluman Yang Berhormat Tuan Dahalan yang membangkitkan perkara ini, jumlah wang yang diminta kelulusan di bawah Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan sekarang adalah merangkumi pendahuluan peruntukan yang telah diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Bagi perbelanjaan yang tidak begitu mendesak, peruntukan tambahan bagi perbelanjaan berkenaan dikemukakan kepada Parlimen bagi mendapatkan kelulusan secara langsung daripada Parlimen. Rang Undang-undang Perbekalan yang sedang kita bahaskan sekarang merangkumi peruntukan yang dipohon untuk mendapatkan kelulusan secara langsung daripada Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menyentuh soal-soal yang berkait dengan Kementarian Pendidikan. Mengenai pembelajaran Bahasa Inggeris, adalah diakui bahawa masih banyak usaha yang perlu dilakukan untuk memperbaiki prestasi petajar-pelajar dalam mata-pelajaran ini. Salah satu faktor utama yang menyebabkan kelemahan dalam Bahasa Inggeris ialah kekurangan guru-guru dalam matapelajaran ini. Justeru itu, Kerajaan sedang mengambil usaha untuk menggandakan tindakan melatih guru-guru Bahasa Inggeris melalui program, dengan izin, Teaching of English as a Second Language (TESL). Dalam usaha untuk mengatasi kekurangan guru Bahasa Inggeris ini, memang sudah sedia menjadi amalan Kerajaan untuk melantik semula secara sementara mana-mana guru Bahasa Inggeris yang telah bersara dan yang memohon.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan pra-sekolah banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, malah inilah perkara utama yang dibangkitkan di bawah Kementerian Pendidikan, Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, program pra-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan dimulakan pada tahun 1992, iaitu tahun ini. Setakat ini seramai 28,250 orang kanak-kanak dari golongan keluarga yang kurang raampa di kawasan bandar telah dirancang untuk mengikuti program ini. Sebanyak 1,130 buah bilik darjah di sekolah-sekolah rendah yang sedia ada digunakan untuk maksud ini atau hitung panjang 25 kanak-kanak bagi setiap bilik darjah.

Dalam hubungan ini, memanglah diakui bahawa di setengah-setengah bilik darjah terdapat bilangan kanak-kanak lebih ramai daripada yang dirancang dan ini telah menimbulkan keadaan kurang selesa. Kerajaan akan cuba mengatasi masalah ini bagi memastikan

supaya keberkesanan program pra-sekolah di Kementerian Pendidikan ini dapat dicapai.

Seperkara lagi yang dibangkitkan ialah kelengkapan yang tidak mencukupi dan kurang sesuai sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, oleh kerana program ini baru sahaja dimulakan, maka kelengkapan yang dibekalkan di bilik-bilik darjah pra-sekolah ini masih belum dapat disempurnakan sepenuhnya. Akan tetapi, masalah ini kita percaya akan dapat diperbaiki apabila program ini berjalan dengan lebih lama.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal penyelarasan pendidikan pra-sekolah. Saya suka-lah memaklumkan bahawa dari segi kurikulum, memandangkan bahawa program pra-sekolah ini dikendalikan juga oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Jabatan Perpaduan Negara, masing-masing mempunyai sasaran yang berlainan, soal kurikulum perlu diselaraskan supaya menjadi seragam. Untuk maksud itu, mulai tahun ini, penetapan kurikulum pra-sekolah di ketiga-tiga agensi Kerajaan tersebut dibuat oleh Kementerian Pendidikan. Saya juga ingin memaklumkan bahawa program pra-sekolah yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan tidak dicadangkan untuk dikembangkan lagi daripada bilangan yang sedia ada sekarang dan sebarang keperluan tambahan akan dikendalikan sama ada oleh Jabatan Perpaduan Negara atau oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dengan ini usaha Kerajaan untuk memastikan bahawa pendidikan pra-sekolah tidak bertindih dan serentak itu kandungan kurikulum pra-sekolah akan menjadi seragam.

Mengenai pertanyaan barhubung dengan kawalan pendaftaran dan kurikulum pra-sekolah swasta yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan di sini bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membenarkan pihak-pihak lain daripada Kerajaan untuk mengendalikan Tadika selaras dengan dasar menggalakkan pihak swasta memainkan peranan dalam pembangunan negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengawal perkembangan Tadika melalui pendaftaran pusat Tadika dengan cara meminta pusat Tadika mengikuti garis-panduan kurikulum pra-sekolah yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

Berhubung dengan Taman Asuhan Kanak-kanak Islam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Zaleha, saya difahamkan ianya adalah di luar daripada bidangkuasa Akta Pelajaran 1961 kerana ianya tertakluk di bawah Enakmen Kerajaan Negeri Pendaftaran dan kawalan ke atas TASKI adalah di bawah Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya pengasuh yang berkhidmat di kelas-kelas pra-sekolah Kementerian Pendidikan diletakkan di bawah perjawatan di dalam perkhidmatan yang lebih sesuai daripada perkhidmatan sambilan seperti yang diamalkan sekarang, saya sukalah memaklumkan bahawa syor berkenaan sedang dalam pertimbangan. Mengenai tenaga pengajarnya pula, persediaan sediaag dibuat oleh Kerajaan untuk melatih guru-guru sekolah rendah dalam bidang pendidikan pra-sekolah supaya mulai tahun depan program pra-sekolah Kementerian Pendidikan akan mempunyai guru-guru yang khusus untuk mengendalikan kelas-kelas pra-sekolah anjuran Kementerian Pendidikan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh soal pembelajaran muzik yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Rosnah Muzik merupakan satu matapelajaran wajib di bawah sistem KBSR. Dalam, keadaan di mana terdapat ibubapa yang menghalang anak-anak mereka daripada mengikuti matapelajaran ini, guru besar telah diberikan budibicara untuk membuat keputusan ke atas pelajar yang dihalang daripada mengikuti pembelajaran muzik ini dan terpulanglah kepada guru besar berkenaan untuk menentukan aktiviti lain kepada pelajar-pelajar berkenaan, Walau bagaimanapun, tidaklah menjadi tanggungjawab guru besar berkenaan itu untuk mesti mengadakan aktiviti lain bagi pelajar-pelajar yang dihalang daripada mengikuti kelas muzik kerana sekiranya itu dilakukan, maka unsur wajib bagi pembelajaran muzik tidak lagi sah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang banyak diperkatakan adalah berkaitan dengan perkhidmatan Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negeri. Antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap tentang perkara ini ialah Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar. Saya suka menjelaskan di sini bahawa Kementerian Luar Negeri perlu sentiasa menitikberatkan perkara disiplin di kalangan pegawai-pegawainya. Mereka seringkali diperingatkan supaya melayan pelawat dengan bersopan-santun. Setiap pegawai yang melanggar peraturan disiplin akan diberikan amaran dan tindakan tatatertib yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka. Pegawai-pegawai Kementerian Luar Negeri juga dihantar berkursus di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri di Kuala Lumpur sebelum mereka dihantar bertugas ke luar negeri untuk meningkatkan prestasi dan taraf disiplin mereka, dan supaya peka dengan dasar-dasar Kerajaan dalam menjalankan tugas mereka di luar negeri.

Mengenai urusan pengendalian penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang banyak dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang akhir sekali oleh Yang Berhormat Tuan Saidin, ingin saya menjelaskan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Luar Negeri untuk membantu penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri. Walau bagaimanapun, di negara-negara di mana terdapat ramai bilangan penuntut,

Kerajaan ada menubuhkan Jabatan penuntut di bawah naungan kedutaan yang khas ditugaskan untuk mengurus hal ehwal dan kebajikan penuntut pihak kedutaan dan pegawai-pegawai Malaysia di luar negeri sentiasa diarahkan untuk berusaha membantu mewujudkan hubungan yang rapat dan mesra dengan penuntut-penuntut. Untuk memastikan bahawa para penuntut kita di luar negeri sentiasa mendapat maklumat terbaru mengenai perhubungan negara, mengenai keadaan di negara kita, kedutaan telah mengedarkan bahan-bahan rujukan dan bacaan seperti suratkhbar, makalah, majalah dan lain-lain bahan bacaan.

Satu lagi perkara yang banyak menarik perhatian ialah kes pelajar Malaysia yang murtad, iaitu pelajar-pelajar Islam yang menuntut di luar negeri dan yang memeluk agama selain daripada agama Islam. Adalah difahamkan bahawa laporan mengenai perkara ini sedang disiapkan dan pihak berkenaan, iaitu Kementerian Pendidikan dan mungkin juga Keraenterian Luar Negeri, akan mengeluarkan kenyataan apabila laporan lengkap siap disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah "free postage" kepada mereka yang selama ini mendapat perkhidmatan percuma seperti Yang Berhormat Menteri-tnenteri dan Wakil-wakil Rakyat sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar bin Othman dan sepertimana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos seraasa menjawab soalan pada sesi petang ini, perkara ini adalah dalam pertimbangan Kerajaan. Sepertimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, perkara free postage ini, dengan izin, sedang dirundingkan dengan

Kementerian Kewangan dan keputusan mengenainya akan diumumkan apabila rundingan tersebut selesai diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh soal persediaan Malaysia untuk menjadi tuanrumah kepada Sukan Komanwel tahun 1998. Pertamanya, ingin saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara ini dan serentak membuat cadangan-cadangan yang matlamatnya ialah untuk memastikan Sukan Komanwel itu berjaya dan memberi manfaat kepada negara. Mengenai syor supaya bantuan diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur yang akan bertindak sebagai tuanrumah Sukan Komanwel, saya suka lah memaklumkan bahawa pertimbangan ke atas keperluan kewangan bagi melaksanakan keputusan ini akan diteliti dengan secara menyeluruh dan tidak hanya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Saya suka lah memberi keyakinan kepada Dewan ini bahawa Kerajaan akan memberikan bantuan yang sewajarnya ke arah menjayakan Sukan ini bukan sahaja dari segi menyediakan infrastruktur dan kemudahan tempat bersukan atau bertanding malahan dalam menyediakan atlit negara untuk menyertai Sukan Komanwel itu. Pada masa ini pun, kita sudah memulakan program menyediakan atlit untuk memenuhi keperluan jangka pendek dan keperluan jangka panjang. Latihan ini melibatkan program untuk atlit peringkat elit, peringkat pelapis dan peringkat bakat,

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan tentang prestasi di Sukan Olimpik serta telah mengemukakan cadangan bagaimana boleh dipertingkatkan lagi prestasi para atlit kita di masa

hadapan, ke semua cadangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telahpun diambil perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan. Malah ada di antara cadangan-cadangan yang dikemukakan, umpamanya mengadakan skim latihan yang khusus kepada para atlet ini memang telahpun dilaksanakan. oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh tentang soal capitation grant ataupun pemberian mengikut kiraan kepala untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walaupun perkara ini tidak ada kaitan secara langsung dengan Rang Undang-undang yang kita bahaskan, saya ingin memberi sedikit penjelasan di sini, mungkin ini juga yang hendak dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Perlembagaan Malaysia capitation grant adalah diberikan kepada Kerajaan Negeri memandangkan bahawa Wilayah Persekutuan bukan sebuah negeri maka mengikut takrifan ini, Wilayah Persekutuan tidak layak menerima capitation grant. Sungguhpun demikian, Kerajaan menyedari bahawa dalam Wilayah Persekutuan terdapat satu bilangan penduduk yang tidak terangkum dalam perkiraan capitation grant. Maka bagi mengimbangi capitation grant yang tidak diterima oleh Wilayah Persekutuan itu, Kerajaan memberi pertimbangan-pertimbangan yang lain untuk membantu Wilayah Persekutuan yang faedahnya akan dinikmati oleh penduduk di Wilayah Persekutuan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1992, Kerajaan Pusat ada menyediakan bantuan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

untuk melaksanakan kira-kira 16 jenis projek kesemuanya sekali yang berjumlah kira-kira \$30 juta dan ada di antara peruntukan-peruntukan ini, hanya dinikmati oleh Wilayah persekutuan Kuala Lumpur dan tidak oleh negeri-negeri lain.

Antara peruntukan-peruntukan terbesar yang disediakan dalam tahun 1992 kepada Wilayah Persekutuan, termasuklah peruntukan untuk membina jalan-jalan dan jambatan-jambatan sebanyak \$19.2 juta, peruntukan untuk penyalenggaraan jalan raya sebanyak \$15 juta, peruntukan untuk perumahan awam Wilayah Persekutuan sebanyak \$14.9 juta yang kesemuanya 16 jenis program yang saya katakan tadi berjumlah kira-kira \$80 juta. Dengan ringkasnya, walaupun Kerajaan Pusat tidak memberikan capitation grant, dengan izin, kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur oleh kerana ia tidak ditakrifkan sebagai sebuah negeri sepertimana yang dikehendaki oleh Perlembagaan, walau bagaimanapun Kerajaan Pusat tetap memberikan bantuan kepada DBKL untuk melaksanakan projek-projek pembangunannya.

Seterusnya berkaitan dengan pembiayaan pembelian komputer di kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan telahpun menyediakan satu Kumpulanwang Amanah Pembiayaan Komputer dengan peruntukan, awal sebanyak \$50 juta. Dengan adanya punca pembiayaan ini, seorang-pegawai kakitangaa awam boleh" meminjam - sehingga sejumlah '\$5,000 dan tempoh bayaran balik selama 4 tahun, Kemudahan ini dimulakan pada tahun 1992 ini.

Tuan -Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya diwujudkan satu tabung amanah bagi membantu mereka yang terjejas dengan teruknya

akibat daripada penganiayaan atau kezaliman ke atas mereka itu, sebenarnya Kerajaan memang ada menyediakan peruntukan untuk membantu mangsa-mangsa seperti ini dan adalah difikirkan pada masa ini tidak perlu ditubuhkan sebuah tabung khusus bagi maksud 'tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan ingin. mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan cadangan "tersebut. Sepertimana yang kita sedia maklum, Kerajaan apabila menerima permohonan bantuan daripada Luar negeri, pada kebiasaannya memberi pertimbangan yang wajar. Sebagai contoh, batu-baru ini kita menyumbangkan kepada Bosnia-Herzegovina sebanyak \$500,000.

Tuan Yang di-pertua, satu lagi perkara yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan peristiwa pemain hoki yang dipukul oleh seorang ahli Keluarga DiRaja, perkara ini dibangkitkan bukan sahaja oleh Yang Berhormat Dato' Azumu yang mula-mula sekali membangkitkan perkara ini tetapi juga menarik perhatian beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Walaupun tidak ada kenyataan yang dibuat oleh pihak yang berkenaan, ingin saya "jelaskan bahawa Karajaan mengambil berat mengenai perkara ini dan saya difahamkan melalui laporan-laporan akhbar bahawa perkara ini adalah di dalara perhatian pihak-pihak yang berkenaan.Kita tunggulah pihak berkenaan untuk membuat kenyataan apabila perkara ini selesai diteliti.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No.2) ini. Sepertimana yang saya terangkan pada awal tadi, segala apa yang dibangkitkan telah diambil perhatian oleh semua Kementerian yang mana perkara-perkara itu berkaitan dengan Kementerian berkenaan. Saya percaya di mana perlu tindakan akan diambil untuk memperbaiki mana-mana keadaan yang kurang baik itu,

Dengan itu sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang membahaskan Rang Undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Tuan Mustafa bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1991 dan 1992 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun yang tersebut itu telah disetujukan tanpa pindaan. Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2), saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1991 dan 1992) (No.2) 1992 dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna -[Dr. Sak Cheag Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG "SYARIKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.14 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang Undang-undang (pindaan) ini ialah untuk meminda Akta Syarikat 1965 bagi melicinkan lagi jentera pentadbiran dan penguatkuasaan Akta Syarikat 1965 di samping memperketatkan peruntukan-peruntukan yang sedia ada bagi melindungi pelabur-pelabur dan pihak yang mempunyai kepentingan. Ini adalah kerana masih banyak lagi penyelewengan-penyelewengan diamalkan oleh pegawai-pegawai dan orang-orang yang menceburkan diri di dalam dunia korporat yang semakin canggih pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak Akta Syarikat mula dikuatkuasakan pada tahun 1965, beberapa pindaan telah dibuat selaras dengan perkembangan dunia korporat yang semakin canggih dan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengannya juga didapati bertambah kompleks,

Seperti pindaan-pindaan yang lalu, Rang Undang-undang ini mengambil kira cadangan dan pandangan badan-badan profesional, dewan-dewan perniagaan dan badan-badan lain melalui beberapa perjumpaan yang telah diadakan di antara Pejabat Pendaftar Syarikat dengan badan-badan tersebut.

Selain daripada itu, Kementerian ini juga dari semasa ke semasa menerima maklum balas dari orang ramai mengenai penguatkuasaan Akta Syarikat 1965 di mana semuanya telah diambilkira di dalam pindaan-pindaan ini. Pada keseluruhannya, Rang Undang-undang pada kali ini mencadangkan 40 pindaan kepada Akta Syarikat 1965. Izinkan saya untuk menghuraikan beberapa pindaan utama yang dicadangkan untuk kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan sektor korporat yang begitu pesat telah menyebabkan berbagai salah laku diperbuat oleh mereka yang berkecimpung di dalamnya. Walaupun Akta Syarikat 1965 menetapkan berbagai penalti bagi kesalahan yang dilakukan oleh syarikat dan pegawai-pegawainya, banyak penyelewengan yang kerap diamalkan oleh pegawai-pegawai syarikat terlepas begitu sahaja. Ini disebabkan peruntukan-peruntukan yang ada sekarang, bagi Pendaftar memeriksa dan mendapatkan maklumat tidak begitu memadai. Justeru itu adalah dicadangkan supaya Pendaftar Syarikat diberi kuasa untuk terus memasuki semua kawasan bangunan atau mana-mana tempat rekod-rakod syarikat disimpan dan boleh memeriksa, membuat salinan atau cabutan daripada buku-buku atau dokumen-dokumen tersebut.

Di bawah peruntukan-peruntukan yang dicadangkan ini, walaupun menghendaki Pendaftar memohon waran gelidah terlebih dahulu sebelum memasuki tempat di mana buku-buku atau dokumen-dokumen disimpan, Pendaftar boleh terus mengambil dan menyimpan mana-mana buku atau dokumen yang mungkin dan perlu diperolehi sebagai keterangan atau bukti dalam mana-mana prosiding di bawah atau berkaitan dengan Akta Syarikat, jika Pendaftar mempunyai sebab yang munasabah bahawa kelewatan untuk mendapatkan waran gelidah itu boleh menyebabkan buku-buku atau dokumen-dokumen yang boleh dijadikan bukti itu dimusnahkan dipindahkan ke tempat lain atau dipinda.

Selanjutnya, peruntukan baru ini juga memberi kuasa kepada Pendaftar untuk merekod kenyataan dari mana-mana orang yang ditentukan dan kenyataan sedemikian boleh digunakan sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding perundangan. Selama ini hanya anggota

Polis yang dipinjamkan ke Pejabat Pendaftar Syarikat yang jumlahnya terhad boleh berbuat demikian dengan kuasanya di bawah Kanun Acara Jenayah. Peruntukan baru yang dicadangkan ini adalah bertujuan bagi menambahkan lagi kuasa Pendaftar Syarikat agar penguatkuasaan Akta Syarikat dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan cepat bagi melindungi pelabur-pelabur dan pihak-pihak yang mempunyai kepentingan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan yang utama seterusnya adalah terhadap Seksyen 67, yang melarang sesebuah Syarikat daripada memberi bantuan kewangan kepada sesuatu pihak untuk membeli syernya sendiri, atau syer di dalam syarikat induknya. Larangan ini sangat meluas dan pelanggaran kepada peruntukan ini boleh menyebabkan transaksi-transaksi pinjaman dan sekuriti tidak sah di sisi undang-undang dan tidak boleh dikuatkuasakan oleh pihak ketiga yang memberi pinjaman. Adalah perlu pihak ketiga yang tidak bersalah diberi perlindungan daripada syarikat-syarikat yang cuba memperdayakan peminjam-peminjam dan dalam masa yang sama dapat perlindungan di bawah Seksyen 67(6). Seksyen ini membolehkan peminjam-peminjam yang tidak bertanggungjawab untuk melepaskan diri dengan sepenuhnya dari obligasi kontraktual dengan berselindung di sebalik perkara-perkara teknikal mengenai undang-undang. Oleh itu, adalah perlu dipinda Seksyen 67 untuk memberi suatu cara kepada pihak ketiga yang tidak bersalah bagi mendapat balik jumlah pinjaman yang diberikan yang mana bercanggah dengan seksyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amat memandang berat terhadap perkembangan akhir-akhir ini mengenai penjualan syer atau kepentingan di dalam skema kongsi-masa (in time-sharing schemes) dan keanggotaan di dalam sesuatu kelab golf dan rekreasi. Ianya telah diberi perhatian yang berat, terutamanya dari sudut perlindungan kepada pelabur dan pengguna.

Kedua-dua skim kongsi-masa dan keanggotaan dalam kelab tersebut merupakan projek bernilai juta-juta ringgit dan penganjurnya dapat mengumpul berjuta-juta ringgit dari penjualan kepentingan dan keanggotaan. Hampir semua skim kongsi-masa dan kelab golf dan rekreasi yang didapati di Malaysia dimiliki (ownership) oleh penganjur sesuatu projek itu. Keadaan sedemikian akan menyebabkan pembeli-pembeli kepentingan (interest) dan keanggotaan di dalam keadaan yang tidak menentu jika penganjur-penganjur skim atau kelab tersebut menjadi muflis kerana pelaburan mereka mungkin lesap begitu sahaja. Oleh yang demikian, Kerajaan mendapati adalah perlu penjualan syer kongsi-masa dan keanggotaan sesuatu kelab dikawal bagi melindungi kepentingan pelabur-pelabur. Oleh itu, untuk mengelakkan kekeliruan dan untuk menerangkan lagi maksud Seksyen 84 secara khusus, maka adalah dicadangkan Seksyen 84 dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini skim kongsi-masa dan juga penjualan keanggotaan lesen sesebuah kelab yang membolehkan pembeli menggunakan kemudahan-kemudahan kelab tersebut pada suatu jangka masa adalah begitu popular. Sesuatu skim kongsi-masa atau penjualan keanggotaan seiraparaa itu adalah termasuk dalam definisi "kepentingan" atau, dengan izin, "interestt", mengikut Seksyen 84 Akta ini di mana pelawaan untuk membeli atau menyertainya memerlukan prospektus dan surat ikatan amanah.

Untuk mengelakkan kekeliruan dan untuk menerangkan lagi maksud Seksyen 84 secara khusus, maka adalah dicadangkan Seksyen 84 dipinda supaya ditunjukkan secara nyata bahawa skim kongsi-masa dan penjualan keanggotaan sesuatu kelab seperti kelab golf, rekreasi dan sebagainya adalah termasuk di dalam skop Seksyen 84 Pelaksanaan dan penguatkuasaan pindaan ini adalah untuk melindungi kepentingan pelabur-pelabur tanpa menjejaskan pertambahan industrinya secara sihat di negara ini. Untuk melicinkan pelaksanaannya kelak, satu garis panduan yang saksama dan berkesan sedang digubal oleh pegawai-pegawai dari Kementerian, juga Pejabat Pendaftar Syarikat dengan kerjasama wakil-wakil daripada penganjur-penganjur skim kongsi-masa dan kelab-kelab golf dan rekreasi.

Tuan Yang di-Pertua, pengarah merupakan agen ataupun pemegang amanah kepada sebuah syarikat. Justeru itu, keputusan-keputusan yang dibuat adalah penting dalam menentukan arah sesuatu syarikat itu,

Kegagalan prestasi syarikat-syarikat akan mengakibatkan kerugian besar kepada orang ramai yang menjadi. pelabur-pelabur dan juga para pemiutang. Ini menggambarkan betapa perlunya penyeliaan yang lebih rapi keatas hal ehwal korporat, terutamanya bagi mengawasi tindak-tanduk pengarah-pengarah syarikat. Atas sebab-sebab inilah beberapa peruntukan mengenai pengarah dicadangkan supaya dipinda bagi raemperketatkan lagi syarat-syarat menjadi pengarah agar menjadikan mereka lebih bertanggungjawab,

Di bawah peruntukan Seksyen 122 yang ada sekarang ini, had umur seseorang yang boleh dilantik sebagai seorang pengarah tidak dinyatakan dengan jelas. Seseorang yang menjadi pengarah sebuah syarikat juga boleh meletakkan jawatannya bila-bila masa, walaupun dengan perletakan jawatannya menjadikan bilangan pengarah di dalam syarikat itu di bawah had minima, iaitu dua orang, dan mengakibatkan syarikat melakukan kesalahan di bawah undang-undang. Dengan cadangan pindaan terhadap Seksyen 122, had umur seseorang yang boleh dilantik sebagai pengarah itu dinyatakan dengan jelas, iaitu ia mestilah cukup umur 18 tahun dan ke atas. Ini bersesuaian dengan perundangan lain yang bersangkutan di mana seseorang yang di bawah umur 18 tahun tidak layak menandatangani sesuatu kontrak.

Pindaan ini adalah juga bertujuan untuk mencegah pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dari menggunakan orang-orang yang belum

cukup umur sebagai satu alat untuk melepaskan diri dari tanggungjawab mereka yang tidak jujur. Pindaan dicadangkan juga bagi melarang seseorang pengarah syarikat meletakkan jawatannya di dalam sesebuah syarikat jika dengan perletakan jawatannya, bilangan pengarah di dalam syarikat itu menjadi kurang dari jumlah minimum yang ditetapkan, iaitu dua orang pada setiap masa. Walau bagaimanapun, larangan ini tidak terpakai jika seorang pengarah itu hilang kelayakan menjadi pengarah syarikat disebabkan peruntukan-peruntukan lain dalam Akta ini atau undang-undang yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan pada kali ini juga memperkenalkan seksyen baru 130(A) bagi memberi kuasa kepada Pendaftar atau Pegawai penerima untuk memohon kepada mahkamah bagi menghalang mana-mana orang daripada menjadi pengarah syarikat jika ia sedang atau pernah menjadi pengarah di dalam lebih daripada sebuah syarikat yang "insolvent" dan kelakuannya di dalam pengurusan syarikat-syarikat tersebut membuatnya tidak layak untuk menguruskan sesebuah syarikat.

Telah terdapat banyak kes di mana seseorang menggunakan konsep entiti undang-undang yang berasingan bagi mengelakkan liabilitinya kepada para pemiutang. Ini dilakukan dengan memindahkan aset sesuatu syarikat yang mempunyai banyak liabiliti kepada suatu syarikat lain. Oleh kerana syarikat yang lain itu mempunyai entiti undang-undang yang berasingan, para pemiutang tidak dapat berbuat

apa-apa bagi mendapatkan semula pinjaman yang telah diberikan kepada syarikat yang menanggung liabiliti itu Pengarah-pengarah seperti ini perlu disekat dan terus mengambil bahagian di dalam pengurusan sebuah syarikat.

Tuan Yang di Pertua, pindaan seterusnya mencadangkan pengenalan seksyen-seksyen baru iaitu 132F dan 132G. Pengeaalan seksyen baru 132F adalah bagi menyatakan jenis-jenis transaksi yang dikecualikan dari kehendak-kehendak seksyen 132E. Pindaan ini juga bertujuan memberi definisi, dengan izin, "non-cash assets" dan menerangkan lagi maksud, dengan izin, "acquisicion or disposal of non-cash assets", yang digunakan di dalam seksyen 132F. Pindaan ini didapati perlu bagi memudahkan mereka yang berkecimpung dalam dunia korporat mematuhi kehendak-kehendak seksyen tersebut kerana sebelum ini terdapat banyak pertanyaan yang diterima mengenai tafsiran seksyen tersebut.

Pengenalan seksyen baru 132G pula adalah bertujuan melarang perolehan dari sesuatu syarikat syer atau aset sesuatu syarikat yang lain di mana seseorang pengarah atau pemegang syer substantial syarikat itu mempunyai pegangan syer substantial di dalam syarikat yang lain itu, kecuali jika syer di dalam syarikat yang lain itu telah dipegang oleh pengarah atau pemegang syer atau aset itu telah dipegang untuk tempoh lebih daripada tiga tahun. Adalah perlu perbuatan sedemikian dikawal bagi melindungi kepentingan pemegang ~~saham~~ minoriti serta untuk mewujudkan suasana pembangunan korporat yang lebih sihat dan saksama, larangan di bawah Seksyen ini hanyalah melibatkan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' boleh 'pause' sekejap,Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan Mesyuarat 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Jeneral Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali untuk mempengerusikan persidangan iai,Terima kasih.

**[Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd.Ghazali bin Dato' Mohd. Seth
mempengerusikan Mesyuarat]**

Jen.(B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Yang Berhormat,dipersilakan.

Dato' Haji Abu Bassan bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.Larangan di bawah Seksyen ini hanyalah melibatkan seorang pengarah atau pemegang share substantial syarikat yang berkenaan atau orang-orang yang ada kaitan dengan mereka sahaja. Ianya , tidak akan menjejaskan sebarang tindakan, dengan 12111, corporate rationalisation and re-organization yang dibuat secara teratur di kalangan syarikat-syarikat subsidiari atau syarikat-syarikat di dalam kumpulan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah syarikat yang diperbadankan dengan begitu banyak telah raenyebabkan permintaan terhadap perkhidmatan Kesetiausahaan telah bertambah.Akta Syarikat meletakkan berbagai tanggungjawab terhadap suatu syarikat di mana pematuhan sebahagian besarnya terletak di atas bahu setiausahanya. Walau bagaimanapun, .Seksyen 139 yang ada sekarang tidak mengenakan apa-apa kelayakan

bagi mereka yang ingin menawarkan perkhidmatan sebagai seorang setiausaha. Akibatnya sesiapa sahaja boleh menjadi Setiausaha sebuah syarikat tanpa tnengira pengalaman dan kelayakan. Adalah didapati bahawa salah satu daripada punca yang menyebabkan bertambahnya beban kerja di Pejabat Pendaftar Syarikat sejak beberapa tahun yang lalu ialah semakan dan pembetulan ke atas dokumen-dokumen syarikat yang disediakan oleh setiausaha-setiausaha syarikat yang kurang berkelayakan dan berpengalaman. Oleh hal yang demikian, pindaan adalah dicadangkan dengan menambahkan seksyen-seksyen yang baru iaitu 139A, 139B, 139C dan 139D untuk memperkenalkan konsep baru di mana hanya seseorang yang mempunyai kelayakan tertentu umpamanya kelayakan kesetiausahaan profesional, akauntan atau perundangan akan dibenarkan untuk dilantik sebagai setiausaha sebuah syarikat.

Memandangkan ramai daripada setiausaha-setiausaha syarikat yang sedia ada terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai kelayakan yang disebutkan, kebajikan mereka diambil kira. Konsep baru yang dicadangkan ini juga akan memperkenalkan satu mekanisma pelesenan di mana seseorang yang tergolong dalam kategori yang sedemikian boleh memohon lesen daripada Pendaftar Syarikat untuk melayakkan diri menjadi setiausaha sebuah syarikat. Satu tempoh peralihan selama 12 bulan akan diperuntukkan bagi membolehkan mereka" yang terlibat memperoleh lesen yang diperlukan.

Seksyen-seksyen baru yang dicadangkan ini juga membatalkan kelayakan seorang untuk menjadi setiausaha syarikat jika ia seorang muflis yang belum dilepaskan atau disabitkan dengan mana-mana

kesalahan di bawah Seksyen 132A atau 303(3) tersebut atau berhenti dari menjadi, ahli badan-badan yang ditetapkan oleh Menteri ataupun tidak memegang lesen yang sah. Pendaftar juga diberi kuasa untuk membatalkan kelayakan seorang dari bertindak sebagai setiausaha syarikat jika ia berpendapat bahawa seorang itu semasa menjalankan tugasnya tidak bertindak dengan jujur atau bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertuan, peruntukan yang ada pada masa ini hanya membenarkan Pendaftar Syarikat mengenakan denda tanpa mengambil tindakan prosiding mahkamah ke atas kesalahan-kesalahan yang membawa hukuman denda sahaja. Bagi kesalahan-kesalahan di bawah Seksyen-seksyen lain yang membawa hukuman penjara dan denda, prosiding mahkamah hendaklah dibawa.

Bagi tujuan melicinkan lagi kerja-kerja administrative, adalah dicadangkan supaya diperkenalkan seksyen baru 371A, bagi memberi kuasa kepada Pendaftar untuk mengkompaun apa jua kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Syarikat. Dengan pindaan ini, tindakan ke atas suatu syarikat dapat diambil dengan cepat memandangkan syarikat-syarikat yang melakukan kesalahan begitu banyak dan membawa prosiding ke mahkamah akan memakan masa yang panjang.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan sektor korporat yang pesat pada masa ini menjadikan sektor tersebut satu sektor yang kompleks dan rumit. Perkembangan ini juga telah menunjukkan penglibatan yang meluas oleh setiap lapisan rakyat terutamanya dari segi pemegangan saham. Perhubungan yang kompleks ini telah menyebabkan berbagai bentuk kesalahan dan salahlaku oleh mereka yang berkecimpung dalam dunia korporat.

Menyedari hakikat bahawa orangramai sepatutnya dilindungi dengan sewajarnya kerana mereka telah mula melibatkan diri di dalam dunia ini, adalah dicadangkan hukuroan-hukuman ke atas pelbagai kesalahan di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini ditambahkan bagi menghalang (to deter) berlakunya kesalahan. Oleh hal yang demikian, adalah dicadangkan denda-denda dalam beberapa Seksyen di dalam Akta dinaikkan ke suatu tahap yang munasabah.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari pindaan-pindaan utama yang saya sebutkan tadi, pindaan-pindaan kecil juga perlu dibuat untuk mengawas dan menyelaras peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta Syarikat pada keseluruhannya. Pindaan-pindaan kecil yang dicadangkan ini sama ada untuk memudahkan kerja administrative di Pejabat Pendaftar Syarikat bagi mempercepatkan proses sesuatu kerja ataupun dibuat kerana berturutan dengan pindaan-pindaan kepada Seksyen-seksyen yang terlibat dengan pindaan-pindaan utama. Secara keseluruhannya, pindaan yang dicadangkan ini adalah bertujuan bagi melicinkan lagi pentadbiran di samping mengadakan sekatan Kepada pengarah-pengarah daripada melakukan apa-apa salahlaku serta melindungi orangramai yang telah mula menceburkan diri dalam dunia korporat sebagai pemegang saham minoriti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Mustafa bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu

Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas Y.B. Senator Tuan Rahim bin Baba.

4.39ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk sama-sama membincangkan Akta Syarikat (Pindaan) 1992.

Dalam membincangkan Akta ini sepertimana yang telahpun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa tujuan utama Akta ini diadakan adalah untuk melindungi ataupun untuk memasukkan takrif syarikat-syarikat khasnya yang ada berkaitan dengan 'time-sharing' dan juga kelab-kelab rekreasi dan juga yang lain-lainnya.

Dalam soal ini saya ingin menyentuh tentang soal syarikat-syarikat 'time-sharing' iaitu Fasal 14 di mana Fasal ini bertujuan untuk meminda Seksyen 84 yang bertujuan untuk meliputi jualan kepentingan dalam skira kongsi-masa dan juga jualan keanggotaan ataupun lesen kelab yang memberikan hak kepada pembeli menggunakan kemudahan-kemudahan kelab itu bagi tempoh yang tidak kurang daripada satu tahun sebagai jualan kepentingan dalam erti seksyen yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memang telahpun sampai masa dan kecikanya pihak Kerajaan khasnya pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memikirkan soal syarikat-syarikat time-sharing dan juga syarikat-syarikat menjual keanggotaan kelab ini kerana setakat ini belum ada Akta yang boleh mengaitkan ataupun menjaga syarikat-syarikat yang telahpun diperkatakan tadi.

Seperti mana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, terdapat syarikat-syarikat yang berkaitan dengan time-sharing ini yang kadang kala kita sebagai ahli pemegang syarikat time-sharing ini, hak kepada tanah ataupun bangunan yang dimiliki oleh ahli-ahli ini masih lagi kepunyaan syarikat-syarikat yang berkenaan. Dan berlaku keadaan di mana syarikat-syarikat ini telahpun menjual dan mengadaikan tanah ataupun bangunan ataupun kemudahan-kemudahan yang dimiliki oleh pekongsi-pekongsi di time-sharing ini, kerana dalam soal ini tidak ada sekatan langsung dalam Akta Syarikat 1995 ataupun dari segi undang-undang tidak ada undang-undang yang tidak membolehkan syarikat ini menggadai, tnalahan menjual terus kepentingan-kepentingan yang terdapat, baik hal tanah, bangunan dan sebagainya.

Jadi, dengan adanya Akta ini diharapkan kepentingan-kepentingan mereka yang membeli skim kongsi masa dan keanggotaan kelab-kelab ini akan terjamin dengan sebaik-baiknya. Cubalah kita fikirkan kalaulah ada sebuah syarikat atau kelab, dia boleh menjual satu keanggotaan ahlinya sebanyak \$40,000 untuk satu anggota, dan

kalau dijual kepada 1,000 orang bermakna syarikat ini telahpun boleh mengutip \$40 juta daripada pemegang-pemegang jualan kongsi-masa ini dan pada masa yang sama syarikat ini juga boleh menggadai-tanah ataupun bangunan yang dimiliki untuk \$40 juta ataupun \$50 juta lagi. Jadi, syarikat ini dengan lain perkataan menggunakan kewangan daripada ahli-ahli skim kongsi masa ini dan pada masa yang sama juga menggunakan harta ini untuk kepentingan pembangunan syarikat yang berkenaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, terdapat juga kadang kala tanah yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ini adalah tanah yang leasehold. Katalah tanah itu mempunyai leasehold 50 tahun, saya mencadangkan supaya syarikat ini tidak dibenarkan menjual skim kongsi masanya melebihi daripada 50 tahun. Kalau kita lihat dari segi Pejabat Kerajaan, lesennya hanya 50 tahun, mestilah ada peruntukan supaya ia tidak boleh menjualkan skim kongsi masa ini ataupun keanggotaan kelab-kelab ini lebih daripada 50 tahun. Ini mestilah diterangkan kepada mereka yang hendak membeli, mestilah ditunjukkan geran tanah ataupun harta-harta yang dimiliki berapa lama lagi unexpired lease yang masih terdapat kepada syarikat-syarikat ini, kerana terdapat juga syarikat-syarikat walaupun leasennya hanya tinggal lima, sepuluh ataupun duapuluh tahun, kadang kala itu menjual skim-skim yang melebihi daripada lease yang dimiliki. Ini akan menjadikan satu masalah kerana apabila sampai tempoh sepuluh ataupun limabelas tahun, dari segi teknikalnya tanah itu adalah milik Kerajaan semula dan tidak lagi dimiliki oleh syarikat yang berkenaan.

Saya mengharapkan supaya satu panduan dikenakan supaya lease yang dijual atau time-sharing ataupun keanggotaan sesuatu kelab itu tidak melebihi daripada lease yang dimiliki oleh syarikat yang berkenaan. Begitu juga apabila camat lease. Dalam Kanun Tanah Negara apabila sesuatu lease itu camat, biasanya orang yang diberi keutamaan adalah mereka yang sedang menduduki tanah tersebut. Mereka itu diberi keutamaan untuk memohon tanah ataupun untuk menyambung lease bagi tanah yang tlahpun tamat leasenya. Apa yang diharapkan ialah supaya pemegang-pemegang kepentingan dalam skim kongsi-masa dan lesen-lesen kelab ini juga diberikan keutamaan. Apabila leasenya tamat pada tahun 2020 yang akan datang, mereka yang sedia ada menjadi pemegang-pemegang skim kongsi-masa ini juga diberikan keutamaan untuk menyambung. Kita tidak mahu besok apabila tiba ketikanya tanah itu dimiliki oleh pihak pemaju kerana ia mendapatkan keutamaan untuk mendapatkan tanah itu daripada pihak pemerintah ataupun pihak Kerajaan. Sepatutnya mereka yang mempunyai kepentingan dalam skim kongsi masa dan juga keanggotaan kelab-kelab ini juga diberikan keutamaan.

Saya percaya perkara ini belum berlaku lagi kerana soal skim kongsi-masa dan keanggotaan kelab-kelab ini adalah satu fenomena yang agak baru dalam negara kita dan saya percaya akan sampai masa dan ketikanya apabila keadaan ini akan kita hadapi di masa-masa yang akan datang,

Satu perkara lagi yang menjadi kebiasaan kepada kelab-kelab baik time-sharing ataupun kelab-kelab yang memberikan kemudahan-kemudahan rekreasi kepada ahli-ahlinya tidak ada had tentang keahliannya. Katakanlah dalam satu-satu projek perumahan,

kalau kita tahu bahawa dalam satu ekar, saya ini masih menggunakan ekar, minta raaaf, Tuan Yaag di-Pertua. Kalau satu ekar kita boleh buat 12 buah rumah kalau dalam soal development ataupun dalam kerajaan kalau buat flat mungkin dalam 50 unit dan mereka ini berhak menggunakan tanah yang satu ekar tadi. Maknanya kalau rumah teres ada 12 unit dan kalau flat ada 50 unit. Tetapi dalam kelab-kelab kongsi masa ini tidak ada had, dia boleh jual berapa yang dia suka sekalipun. Di sini saya .berharap pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dapat memikirkan supaya ada had. Sebelum diluluskan sesuatu kelab itu hendaklah dipastikan dahulu berapa had members yang kelab itu boleh terima. Kalau dari segi kongsi-masa berapa ramai ahli-ahli yang boleh menyumbang kepada skim-skim kongsa-masa ini.

Berlaku juga keadaan-keadaan di mana kelab-kelab ini kadangkala memberitahu bahawa mereka itu mempunyai kaitan dengan syarikat-syarikat luar negeri ataupun syarikat-syarikat kongsi-masa yang beroperasi di luar negeri. Ini juga mesti dibentangkan kontraknya dengan pihak-pihak luar negeri. Kadangkala semasa dia hendak menjual mungkin dia akan memberikan gambaran seolah-olah kita boleh menggunakan kemudahan-kemudahan di negara-negara yang lain pun tetapi apabila sampai masa dan keadaannya, mungkin kemudahan-kemudahan yang dirwatakan dalam prospectors itu tidak diperolehi. Apa yang kita harapkan ialah pihak Kementerian akan memikirkan soal ini. Tadi saya telah sebutkan tentang keahlian kelab-kelab kongsi-masa ini.

Saya cuma ambil contoh yang mudah. Katalah kalau satu syarikat kongsian masa mempunyai satu bilik, dan bermakna dalam satu bilik ada 52 minggu bermakna dari segi teknikalnya ia hanya boleh menjual kepada 52 orang, kerana satu orang boleh membeli hanya satu minggu sahaja. Jadi, bermakna dari segi teknikalnya, syarikat ini hanya boleh menjual kepada 52 orang. Dan ini mesti ditetapkan di dalam prospektus perjanjian yang akan dimeterai di antara pihak pembeli dan juga pihak penjual. Ini mesti diumumkan juga kepada pihak Kementerian.

Fasal 1, mengenai Akta ini telahpun memperkatakan tentang tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini. Saya berharap tarikh ini dapat diback-datedkan, dikebelakangkan kerana telahpun banyak syarikat-syarikat yang telahpun melibatkan diri di dalam bidang ini tanpa ada undang-undang. Jadi, kalau tidak ada diback-dated, apa yang khuatirkan ialah dalam masa antara minggu keputusan ataupun kelulusan tentang Rang Undang-undang ini ada syarikat-syarikat yang akan mengambil kesempatan untuk menjual skim mereka dengan yang yang murah ataupun sebagainya. Jadi, biarlah ada tarikh diback-datedkan. Jadi, maknanya syarikat-syarikat yang sudah sedia ada mahu tidak mahu mereka akan terlibat dengan tidak dapat lari daripada Akta ini, daripada undang-undang ini. Apa yang dikatakan, mereka akan cuba mengelak daripada Akta ini, kerana saya percaya pihak Menteri pihak Kementerian akan menentukan bila Akta ini akan dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi walaupun ini tidak melibatkan sangat soal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tetapi ada kaitan dengan pembinaan padang-padang golf yang banyak sekarang ini. Saya fikir rakyat tidaklah menghalang pembinaan padang-padang golf yang banyak sekarang ini. Saya cuma sebut sama ada perkara ini boleh ataupun tidak difikirkan, sebab penduduk warga kota Kuala Lumpur ini, satu masalah yang diharap oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ialah soal kekurangan tempat, walaupun perkara ini kecil, kekurangan tempat untuk membuang sampah.

Sekarang ini, saya dimaklumkan lebih daripada 2,500 tan sampah setiap hari dikutip di Bandaraya ini. Apa yang ingin saya cadangkan kaitan ada padang golf ini ialah supaya sebelum suatu kawasan itu diberikan untuk pembinaan padang golf, pihak Kementerian ataupun pihak Dewan Bandaraya acaupun sebagainya mensyaratkan supaya kawasan itu dijadikan kawasan sanitary landfill. Maknanya untuk buang sampah dahulu di situ, lepas itu ratakan di atas, baru tanam rumput dan boleh main golf. Saya tidak tahu saraa ada perkara ini praktikal ataupun tidak. Berikan lease, katakan 10 tahun. Selepas 10 tahun baru boleh buat padang golf di atas ini setelah dibuang sampah, dirata dengan sebaik-baik, dengan seeloknya. Jadi, kita boleh menjimatkan tanah dari segi kalau tidak pun tanah itu, maklum sahaja lah padang golf itu hanya terbiar dengan begitu sahaja, di bawahnya kosong sahaja tidak digunakan langsung. Tetapi saya ingin mencadangkan supaya sementara tanah itu didirikan padang golf, digunakan dahulu untuk perabuangan sampah untuk dijadikan, dengan

izin, kawasan sanitary landfield, kerana kita menghadapi banyak kekurangan kawasan-kawasan yang dimajukan untuk tujuan-tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4, bertujuan untuk memberikan, untuk memasukkan Seksyen iaitu memberikan kuasa kepada Pendaftar mempunyai asset kepada mana-mana tanah bangunan dan juga tempat lain yang mana buku-buku dan dokumen lain bagi maksud menentukan sama ada suatu perbadanan atau mana-mana pegawai perbadanan mematuhi Akta Syarikat. Tadi telahpun diperkatakan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa adalah diperlukan kuasa ataupun perintah daripada mahkamah sebelum kita memasuki suatu premis, dan dalam keadaan-keadaan yang tertentu, barulah tanpa takut kalau ada mereka yang cuba larikan akaun ataupun sebagainya. Jadi, mungkin tidak diperlukan perintah-perintah mahkamah. Saya berharap kuasa ini diberi iaitu tanpa waran untuk gelidah pada Pendaftar ini tanpa memerlukan kuasa daripada permohonan mahkamah. Kerana setengah-setengah syarikat ini mungkin mereka itu kalau sudah tahu bahawa pihak Pendaftar Syarikat dan akan menggelidah syarikatnya dan akan mengambil kuasa daripada mahkamah, mungkin ada masa untuk mereka melarikan dokumen-dokuman yang penting ataupun yang sebagainya.

Apa yang kita harapkan pada masa yang saraa ialah pegawai-pegawai daripada pihak Kementerian biarlah pegawai-pegawai yang cukup terlatih dalam bidang perakaunan, kerana kita khuatir, maklum sahajalah sekarang ini ada syarikat-syarikat usahasama perkongsian, kadang-kadang Melayu Cina, India. Ada syarikat-syarikat yang begini kadangkala untuk pengetahuan Yang Berhormat, syarikat-syarikat sahara ini ada tiga atau empat akaun. Satu untuk Income Tax, satu untuk Registrar of Companies, mungkin

sama dengan Income Tax, satu untuk partnernya. Kalau partner Melayu, ada satu akaun lain. Satu untuk kegunaannya. Maknanya ada tiga akaun. Jadi, mesti ada kepakaran pegawai-pegawai yang hendak menggelidih ataupun hendak memeriksa syarikat-syarikat ini biarlah ada kepakaran-kepakaran yang tertentu. Kita tidak mahu pegawai-pegawai ini tidak mempunyai bidang kemahiran di dalam menyiasat akaun-akaun syarikat-syarikat yang berkenaan.

Salah satu daripada perkara yang telahpun dibenarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ialah di mana pihak sebuah syarikat tidak dibenarkan menggunakan wang syarikat berkenaan dipinjamkan kepada pihak yang lain untuk kepentingan ataupun untuk menaikkan harga saham syarikat-syarikat yang berkenaan. Saya percaya walaupun ada Akta ini, perkara menggunakan kewangan untuk memberikan, dengan *izin*, *window dressing*, pada syarikat-syarikat yang berkenaan akan terus juga berlaku. Apa yang diharapkan ialah terdapatnya pengarah-pengarah syarikat yang menggunakan sumber lain. Mungkin duit itu daripada dia, tetapi menggunakan pihak-pihak lain untuk menjadikan syarikat-syarikatnya untuk mendapatkan harga pasaran yang baik kerana untuk kepentingan-kepentingan pinjaman.

Apa yang ingin saya sarankan ialah supaya pihak penguatkuasa ataupun Pendaftar Syarikat pada masa yang sama juga menyiasat kalau ada orang-orang yang banyak membeli saham sesuatu syarikat itu, dan syarikat itu naik harganya mungkin sidiu itu tidak ada kaitan dengan syarikat yang berkenaan, tetapi ada juga kuasa untuk menyiasat dari mana kewangan itu datang. Kalau mungkin, kadangkala orang itu tidak mempunyai kemudahan kewangan, mungkin wang itu datang daripada

pengarah-pengarah daripada syarikat yang hendak dinaikkan sahamnya tadi. Jadi, siasat juga, diadakan Akta supaya Pendaftar Syarikat juga mempunyai kuasa untuk menyiasat, dan mereka ini mesti memberikan maklumat daripada mana kewangan itu datang. Jadi, kalau adanya Akta begini, mungkin takut orang hendak menggunakan nama ataupun sebagainya, kerana nanti Income Tax datang, akan siasat dari mana duit itu datang, dia boleh beli saham banyak untuk menaikkan saham sesuatu kaunter ataupun sebagainya. Kalau ada Akta ini, saya percaya ianya boleh dibendung. Tetapi kalau setakat hanya kita katakan sesebuah syarikat itu tidak dibenarkan untuk memberikan pinjaman kepada syarikat yang lain, mungkin ini kurang dapat memberikan kesan kepada Akta ini.

Tuan Yang diPertua, tadi juga telahpun disebut mengenai syarikat-syarikat yang tidak solven di mana Fasal 24 yang bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 130A:

"..... supaya seseorang yang menjadi atau pernah menjadi pengarah syarikat yang tidak solven dan telah dikenakan tindakan penyelesaian secara wajib oleh Mahkamah akan hilang kelayakan menjadi pengarah sesuatu syarikat."

Di sini saya ingin juga mencadangkan supaya petukaran jika terdapat syarikat-syarikat yang dijangka akan menjadi kurang solven ataupun akan menjadi tidak solven langsung jadi, pihak Pendaftar boleh mengambil tindakan supaya tidak dibenarkan pertukaran Pengarah dilakukan. Dan kalau hendak dilakukan juga hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Pendaftar Syarikat kerana Pengarah-pengarah Syarikat ini adalah mereka yang lebih mengetahui tentang apa yang akan berlaku di dalam syarikatnya. Kalau dia telah tahu syarikatnya akan menghadapi keadaan yang tidak solven, mereka ini akan dengan serta merta akan berhenti, akan meminta berhenti daripada menjadi Pengarah dan selepas itu barulah kalau orang lain yang tinggal ataupun orang lain yang jadi Pengarah mereka ini akan menanggung syarikat yang tidak solven.

Jadi, dari segi undang-undang yang ada ini, mungkin Pengarah-pengarah ini akan terlepas. Tetapi kalau ada Akta di mana kalau misalnya sebarang pertukaran Pengarah Syarikat-syarikat yang dijangka akan menjadi tidak solven hendaklah mendapat kebenaran daripada Pendaftar Syarikat, sekurang-kurangnya Pendaftar Syarikat boleh siasat dahulu, kenapa tiba-tiba Pengarah ini hendak berhenti daripada syarikat yang berkenaan, kalau mungkin ada sesuatu. Jadi, sekurang-kurangnya pihak Pendaftar boleh menghantarkan pegawai-pegawai untuk raenyiasat apakah yang berlaku kepada syarikat ini, dengan tiba-tiba sahaja Pengarah-pengarah utamanya hendak berhenti. Jadi, kalau tidak ada Akta ini mungkin kalau dia sudah tahu bila hendak 'tidak solven' itu, dia akan berhenti.

Begitu juga soal Fasal 30 mengenai Setiausaha Syarikat dan sama juga dengan soal-soal Pengarah Syarikat. Saya dapati walaupun tidak ada undang-undang yang menghadkan berapa banyak syarikat seseorang itu boleh pegang, mungkin di pihak syarikat-syarikat Kerajaan ada peraturan yang tidak lebih daripada lima, seseorang itu boleh memegang jawatan dalam syarikat-syarikat Kerajaan, itu cuma peraturan administrative. Tetapi kalau dapat pihak Kementerian juga memikirkan soal dihadkan seseorang itu boleh memegang, menjadi Ahli-Lembaga Pengarah Syarikat, umpamanya katalah 30 syarikat, maknanya tiap-tiap hari dia kena mesyuarat, kalau syarikat itu kena mesyuarat sebulan sekali, maknanya tiap-tiap hari dia kena attend mesyuarat. Saya fikir dalam bilangan 30 atau 20 sudah mencukupi kalau dibenarkan dia pegang sampai 100, 200, ada yang saya fikir melebihi kadang-kadang itu mana-mana syarikat pun kadang-kadang itupun dia

telah lupa mana syarikat yang dia telah jadi Pengarah ataupun sebagainya. Jadi, kalau dihadkan, maknanya bukanlah dihadkan terlampau rigid sangat, umpamanya diadakan peruntukan dibenarkan hanya 20. Kalau lebih daripada 20, dia mesit dapat kebenaran daripada pihak Menteri ataupun pihak Pendaftar Syarikat. Dia mesti memberikan sebab kenapa dia hendak pegang jawatan dalam syarikat-syarikat ini. Jadi, ada control, kalau tidak nanti seseorang itu akan memegang jawatan Pengarah, walaupun dengan duit dia sendiri, dengan kewangan dia sendiri, tetapi dia akan memegang, menjadi Pengarah kepada tidak terbilang jumlah syarikat yang mereka itu menjadi Pengarah.

Begitu juga dengan Setiausaha-setiausaha Syarikat. Mereka yang menjadi Setiausaha Syarikat juga, kalau dapat dihadkan, kadangkala itu Setiausaha Syarikat, kalau kita pergi ke Pejabat-pejabat Setiausaha Syarikat, kalau kita tengok papan tanda itu, papan di depan itu, kadang-kadang sampai beratus-ratus, yang seseorang sesebuah syarikat. itu menjadi Setiausaha. Bagaimanakah Setiausaha ini hendak control hendak mengawasi, hendak menjaga sampai beratus-ratus, kadang-kadang sampai beribu-ribu syarikat-syarikat yang hendak dijagai? Jadi, kalau ada had, dan kalau lebih daripada had itu, dia mesti mendapat kebenaran. Kita tidak katakan had itu mesti rigid sangat, tetapi kalau telah lebih daripada had itu, dia mesti raendapat kebenaran daripada pihak Pendaftar Syarikat. acaupun pihak Kementerian, supaya ada control tentang jumlah syarikat-syarikat yang hendak mereka itu terlibat untuk menjadi Setiausaha.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi ialah, walaupun tidak ada kaitan dalara, tidak ada disebutkan dalam mana-mana Fasal dalam perkara ini ialah kadangkala, ini adalah bagi kepentingan mereka yang menjalankan perniagaan. Kadangkala kita yang menjalankan perniagaan ini, kita yang berhutanglah, biasanya kita selalu at the mercy of the bankers, orang yang creditors kita ataupun banker kita. Tidak ada satu Akta pun yang boleh menahan supaya kalau satu-satu syarikat itu daripada kena winding-up. Kadang-kadang syarikat itu ada potensi, dan orang yang menjalankan syarikat itu, dia tahu dia ada potensi, dia boleh menjalankan syarikatnya balik, dia tahu peluang-peluang yang akan ada, dia boleh menaikkan balik syarikat itu tetapi oleh kerana pihak bank, pihak creditors, atas sebab-sebab yang tertentu, kadangkala itu dia arabil tindakan untuk winding-up syarikat-syarikat yang berkenaan. Kalau dapat difikirkan satu Akta supaya menahan, kalau hendak winding-up itu mesti ada kelulusan daripada satu pihak Pendaftar ataupun sebagainya,

Jadi, pihak syarikat ini ada tempat mereka itu untuk mengadu kepada Pendaftar Syarikat katakan "Saya ada plan, macam mana hendak bayar", ataupun sebagainya. Jadi, kalau Pendaftar Syarikat bersetuju, dia patut, tidak payah diwinding-up ataupun sebagainya-, kerana setengah-setengah syarikat itu, mempunyai potensi. Ada potensinya boleh dimajukan, boleh dihidupkan semula, tetapi masih juga terkena kepada winding-up. Saya bukanlah hendak mengatakan soal, kalau di Amerika itu kita ada Chapter 11 Dipanggil Chapter 11 yang mempertahankan company daripada kena winding-up. Saya

tidaklah mencadangkan supaya kita pun ada Chapter itu, tetapi kalau yang baik itu saya fikir patut kita ikut. Kalau ada perkara-perkara yang baik, yang bersesuaian dengan keadaan negara kita ini boleh kita ikut. Kadangkala itu kita kesian, ada syarikat yang kena winding-up itu, mereka itu telah punya perancangan, telah ada program, selepas itu yang Pengarah-pengarah itu pula ada pengalaman-pengalaman, sudahlah mereka itu kena winding-up, selepas itu kena declare bankrupt ataupun sebagainya.

Jadi, kita kerugian dari segi tenaga dan juga dari segi kepakaran kerana bukanlah mudah, walaupun seseorang yang telahpun gagal dalam perniagaan, saya percaya kebanyakan mereka yang berjaya dalam bidang perniagaan telahpun menempuhi kegagalan-kegagalan. Tetapi kalau diberikan peluang, supaya syarikatnya tidak diwinding-up, diberikan peluang lagi, ada tempat dia boleh mengadu, ada chapter-chapter yang boleh mempertahankan mereka ini, mungkin syarikat ini boleh dimajukan.

Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan-pandangan saya mengenai Akta ini, tetapi sebelum saya duduk, saya ingin mengucapkan tahniah dan juga syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana dua hari sudah saya pergi ke pejabat Kementerian ini, saya fikir Inilah, for the first time, saya dapat lihat sebuah pejabat Kerajaan yang ada kelas, kita boleh bangga dengan pejabat yang sebegitu, bukannya cantik, maknanya yang teratur, yang kalau kita masuk pun bawa pegawai-pegawai daripada luar negeri pun kita tidak malulah. Tetapi kalau dulu-dulu, saya tahu, kalau pejabat Kerajaan tahu sahajalah, dengan kalau ada

dicermin-cemin itu ada letak kertas-kertas itu, itu pejabat Kerajaanlah. Kalau ada curtain yang sudah lama-lama itu, itu pejabat Kerajaanlah. Dan saya tahu setengah-setengah pemilik-pemilik bangunan di Kuala Lumpur ini, dia cukup mengelak daripada pejabat-pejabat Kerajaan masuk ke bangunan mereka, Kalau boleh mereka tidak hendak kerana dia kata: "Jatuh imej bangunan-bangunan itu kalau pejabat-pejabat Kerajaan masuk ke bangunan-bangunan itu." Tetapi saya tengok pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, saya fikir ini satu yang patut kita banggakan, dan kita boleh proud, kita boleh berbangga dengan

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd, Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:
Boleh dijadikan contoh.

Tuan Rahim bin Baba: Boleh dijadikan satu pejabat contoh, itupun sebab ada Malayan Banking yang jaga itu, kalau diserahkan kepada Kementerian tidak tahulah. Saya fikir kalau serahkan kepada Kementerian mungkin lebih baik lagilah, saya agaklah.

Jadi, ini boleh kita buat satu contoh dan kita harapkan pihak Treasury khasnya, dapat memberikan peruntukan supaya pejabat-pejabat Kerajaan ini biar ada kelas sedikit. Kadangkala itu, kita pergi ke Pejabat Kerajaan, kalau tengok bangku banyak yang sudah patah-patah, yang sudah usang dan yang sudah boleh masuk Muzium Negara itulah yang ada di Pejabat Kerajaan. Jadi, kita hendak biarlah Pejabat kita, yang hendak menghadapi Wawasan 2020 ini biarlah Pejabat Kerajaan kita ke hadapan. Jadi, Pegawai-pegawai Kerajaan pun, kalau duduk dia seronok tengok pejabat yang lebih selesa dan juga sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:

Yang Berhormat Tuan Haji Nazri.

5.12 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz; Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri dan Kementeriannya kerana semenjak wujudnya Kementerian ini kita lihat banyak perkara yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi tujuan untuk memastikan bahawa suasana perdagangan dalam tanahair kita ini sihat dan juga dengan adanya Rang Undang-undang Syarikat (Pindaan) ini sudah pasti akan memberi jaminan kepada pelabur-pelabur bahawa kedudukan mereka akan pasti terpelihara menerusi pindaan ini dan sudah tentu di masa-masa akan datang, di mana ada kelemahan, dengan sikap pragmatik dan praktikal yang Kementerian ambil, saya cukup yakin bahawa iklim perdagangan di dalam tanahair kita ini akan sentiasa di tahap yang meyakinkan.

Saya berdiri di sini menyokong Akta Syarikat (pindaan) 1992 dan pertamanya, saya ingin response, ataupun berhujah kembali berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Mentari sebentar tadi. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana Yang Berhormat Menteri khususnya menyebut berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 67 yang sememangnya selama hari ini sudah menjadi satu masalah kepada pelabur-pelabur, bukan sahaja kepada pelabur tetapi juga kepada bank-bank yang meminjamkan wang yang mana prinsip jenayah yang diapply oleh 'Criminal Act' yang menyebabkan bila diamalkan dalam Akta ini, ianya bukan mendatangkan pembelaan, malah memberi dorongan kepada yang menipu untuk terus menipu bagi tujuan, sepertimana yang disebutkan dalam Seksyen 67 ini, perbuatan meminta wang 'Loan' daripada bank untuk membuat sesuatu yang memang salah dari segi Akta Syarikat, oleh kerana wang itu dipinjam untuk melakukan perbuatan yang salah, maka sebelum, ini bank-bank tidak diberikan kebenaran untuk menuntut daripada orang yang menipu itu untuk mengembalikan wang ini kerana wang itu dipinjamkan untuk melakukan perbuatan yang melanggar Akta ini. Walhal kita tahu bahawa bank, sebagai pihak ketiga tidak bersalah dan mereka hanya meminjamkan wang dan melihat di hadapan mereka ada satu cadangan yang baik dan mungkin tidak tahu bahawa perbuatan itu mungkin diselindungi oleh pemohon dan sudah tentu perbuatan yang salah itu tidak diketahui oleh pihak bank dan pihak bank dengan rela hati dan ikhlas akan memberikan pinjaman. Sebab itu dengan adanya

Seksyen 67 ini memang kita sokonglah Kementerian untuk menghentikan perbuatan yang berleluasa yang sedang berlaku di tanahair kita pada hari ini.

Di sini tidak ada Akta Induk dan saya tidak tahu berapa beratkah denda yang dikenakan kepada Pengarah yang telah menipu bank untuk meminjamkan dia duit untuk membeli saham di dalam syarikat induk ini kerana apa yang dilakukan oleh Pengarah ini sebenarnya memang berat. Dia melakukan dua kesalahan. Pertama dia melakukan kesalahan yang melanggar Akta kedua, dia menipu bank. Jadi, dia melakukan dua perkara yang salah. Sebab itu saya harap di dalam Kementerian menimbangakan tindakan yang diambil terhadap Pengarah yang bersalah itu, harus diberikan denda yang berat kerana ia melakukan dua kesalahan sebenarnya, pertama, perbuatan yang melanggar Akta dan kedua, penipuan terhadap bank atau financial institution yang memberikan dia pinjaman untuk membeli saham di dalam syarikat induk seperti mana yang disebutkan oleh Menteri di dalam hujahnya sebentar tadi.

Juga di dalam soal kongsi-masa, saya ingin hendak menarik perhatian Kementerian, iaitu dalam soal kongsi masa ini sebenarnya apa yang berlaku ialah syarikat menjual sesuatu yang belum laku dan belum ada tetapi hanya jangkaan untuk masa akan datang. Sebenarnya, perbuatannya itu ialah mengutip deposit, sebab kalau perbuatan itu, katalah 'sale' and 'purchase' penjualan, benda itu mesti wujud pada ketika itu. Tetapi di dalam 'time-sharing' ini sebenarnya, syarikat ini menyuruh kita membeli sesuatu yang mungkin akan berlaku dalam masa tiga atau empat tahun akan datang yang mungkin pada ketika itu benda itu sudah tidak ada mungkin syarikat itu lingkup

atau sebagainya. Jadi, oleh kerana itu kita harus memperlindungi orang-orang yang mungkin tertarik dengan apa yang diiklankan oleh 'time-sharing' ini. Saya sebutkan sebentar tadi bahawa sebenarnya apa yang berlaku ialah mereka mengutip deposit daripada public. Sebab public sebenarnya mendapat benda yang dia beli itu hanya tiga atau empat tahun dari sekarang. Jadi, mereka mengutip deposit 'well in advanced'. Sebab itu kalau kita lihat perbuatan yang sebenarnya, syarikat 'kongsi-masa' ini lakukan ialah mengutip deposit dan kita semua tahu iaitu mengutip deposit daripada masyarakat ataupun daripada public, hanya bank dan institusi kewangan yang dibenarkan oleh Bank Negara sahaja yang boleh mengutip deposit. Sebab itu saya rasa soal syarikat 'kongsi-masa' ini tidak boleh dianggap sebagai hanya suatu syarikat biasa yang dikawal oleh Akta Syarikat, tetapi ia hendaklah di kawal sepertimana bank ataupun institusi yang dikawal oleh Bank Negara, kerana apa yang sebenarnya berlaku ataupun apa yang dilakukan oleh syarikat kongsi-masa ini ialah untuk mengutip deposit daripada masyarakat. Sebab itu pengawalannya, harus bukan sahaja kawalan terhadap syarikat biasa, terkawal di bawah Akta Syarikat, tetapi ia hendaklah dikawal sepertimana bank dikawal dan juga institusi kewangan dikawal. Saya cuma memberi pandangan iaitu kita tidak boleh menganggap syarikat yang terlibat di dalam soal kongsi-masa. Ini dianggap sebagai sebuah syarikat biasa yang dikawal oleh Akta Syarikat sahaja.

Satu perkara lagi yang saya masih ingat, seperti yang diujah-kan oleh Menteri, berkenaan dengan Seksyen 122, yang mana sebelum ini Akta ini tidak pernah menentukan umur terhadap mereka

yang berhak untuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah. Yang Berhormat Menteri menyebutkan bahawa umur yang dicadangkan ialah 18 tahun. Saya rasa kalau 13 tahun itu masih lagi suatu umur yang, dengan izin, impressionable age. Sebenarnya kalau dia masih mempunyai kebolehan, dia masih bersekolah, kalau tidak silap saya, di Lower Six.

Jadi, saya rasa kita harus pelihara orang seperti ini, kerana dia masih muda. Sebab itu kalau sekarang ini kita meletakkan had umur 18 tahun, saya bimbang dan takut nanti ada orang-orang yang tidak boleh dipercayai akan menggunakan budak-budak muda ini untuk menjadi pengarah, dan kemudian syarikat itu membuat perkara yang tidak baik dan budak-budak muda yang berumur 18 tahun ini tidak akan faham apa yang telah berlaku, kerana dia hanya digula-gulkan dengan perkataan yang baik-baik, maka dia setuju menjadi Lembaga Pengarah.

Oleh sebab itu, kiea harus protect, dengan izin, melindungi budak-budak seperti ini.

Saya cadangkan kalau kita kaca orang yang 21 tahun boleh mengundi, mengapa tidak kalau boleh kita standardisekan semua iaitu kita pilih untuk tujuan menghadkan umur yang paling muda untuk dibenarkan menjadi Lembaga Pengarah, kita ambil 21 tahun sebab sudah tentulah bermakna kalau Kerajaan memikirkan pada umur 21 tahun itu dia boleh mengundi, memang ada rasional di sebaliknya mengapa umur 21 tahun itu dipilih. Jadi, pada pandangan saya, kalau boleh, kita tingkatkan had 18 tahun ini kepada 21 tahun bagi tujuan untuk memelihara anak-anak muda kita supaya mereka jangan tertipu oleh perkataan ataupun digula-gulakan oleh sesetengah pihak yang hendak menggunakan mereka ini sebagai alat untuk menipu di dalam syarikat.

Saya juga tertarik dengan Seksyen 122 inni yang mana telah dicadangkan iaitu bahawa seorang pengarah itu tidak boleh letak jawatannya kalau perletakan jawatan dia itu menyebabkan bilangan ahli lembaga pengarah adalah kurang daripada apa yang telah diper-setujui ataupun dikenakan oleh Akta Syarikat, iaitu 2 orang. Saya rasa agak berat juga kalau kita hanya meninggalkan peruntukan begitu sahaja. Ini bermakna bahawa langsung kita tida boleh hendak berhenti. Jadi, kita tidak ada ruang langsung. Dalam kehidupan pun, kalau kita berkahwin, sampai ketika kita tidak ada per-sefahaman, maka kita dibenarkan untuk bercerai.

Jadi, kalau dalam syarikat. ini kita tidak boleh hendak bercerai, saya rasa kalau ada dua orang duduk dalam satu syarikat dan kalau mereka tidak ada persefahaman, di bawah Akta ini, dia tidak boleh meletak jawatan. Jadi, apa yang harus kita lakukan, harus kita fikirkan? Dia memang sudah tidak bolen berniaga berdua, sudah memang bergaduh. Sebab itu, kita harus fikirkan satu cara bagaimana untuk membolehkan ahli Lembaga Pengarah mengeluarkan diri mereka daripada situasi yang sedemikian rupa. Kalau sudah dia tidak boleh letak jawatan, maka bermakna syarikat. itu akan terus begitu sahaja. Jadi, dia berhenti tidak boleh. Kalau dia hendak beri pada orang lain untuk jadi ahli Lembaga Pengarah, mungkin kawan dia kata, "No, saya tidak dapat terima." Dia tidak setuju. Jadi, sebab itu, saya harap bahawa Kementerian harus memikirkan satu cara yang lain. bagaimana untuk mengatasi masalah ini kerana sebenarnya dengan syarat iaitu bahawa mereka tidak boleh letak jawatan, kalau perletakkan jawatan itu menyebabkan kurang daripada dua pengarah bilangannya dalam syarikat ini, maka bermakna kita menggalakkan supaya status quo syarikat itu berterusan. Apa hendak jadi jadilah.

Sebab itu, jika dalam soal ini, kalau boleh, pada pandangan saya, kita ada dua cara "winding up", iaitu voluntary winding up dan keduanya, creditors' winding up. Kalau boleh, kita fikirkan, kita kata "automatic winding up". Saya tengok, kadangkala ada sesetengah syarikat itu yang 5 atau 6 tahun tidak buat akaunnya, walhal kita semua tahu bahawa sebagai ahli Lembaga Pengarah

tiap-tiap tahun, kita mesti disediakan annual accounts. Tetapi ada syarikat yang sampai 10 tahun tidak buat annual accounts tetapi syarikat itu tidak dianggap sebagai automatically wound up. Dia terus sahaja. Kadangkala saya tengok Pendaftar Syarikat menghantar surat tiap-tiap tahun, mungkin original directornya sudah tidak ada. alamat pun alamat lama. Jadi, saya cadangkan untuk mengatasi masalah seperti tadi, iaitu seorang itu tidak boleh resign, sebab Akta kata, kalau dia resign, maka kurang daripada 2, iaitu bilangan ahli Lembaga Pengarah yang harus wujud di bawah Akta kita, mengapa tidak kita kata, kalau ada satu Pengarah resign, maka automatically the company is wound up. Ini boleh membantu Pendaftar. Begitu juga kalau sesebuah syarikat yang sudah 5 atau 6 tahun tidak buat annual accounts kata buat syarat bahawa selepas 3 tahun kalau tidak disediakan annual accounts, should be automatically wound up. Kita boleh tutup file. Ini kadangkala saya tengok, saya yakin dan percaya bahawa di dalama Pejabat Pendaftar Syarikat, ada banyak kerja. Syarikat yang tidak pernah hantar akaun sampai 20 tahun, masih lagi wujud, walhal kita tahu, dia memang tidak boleh menjalankan perniagaan. Kalau sudah 20 tahun, tidak ada accounts, tetapi masih lagi wujud. Jadi, di sini kalau boleh selain daripada voluntary winding up dan creditors' winding-up, mengapa tidak kita fikirkan satu cara yang mana kita kata, "automatic winding up". Sesuatu perkara yang tidak dilakukan oleh syarikat yang sepatutnya dilakukan di bawah Akta ini, kalau dia tidak lakukan, automatically it is wound up.

Satunya,macam tadi iaitu the Annual accounts kalau tidak dihantar for more than 3 years it is automatically wound up, ataupun macam kes yang tadi ini yang mana director tinggal 2 orang, dia tidak boleh teruskan dengan perniagaannya, so the moment atau, ketika dia letak jawatan, automatiically it is wound up tetapi dia masih lagi bertanggungjawab di atas perjalanan syarikat yang berlaku sebelum dia letak jawatan.Bukan bermakna apabila ,it is automatically wound up, dia resign, raaka dia tidak bertanggungjawablah.Dia bertanggungjawab.Memang ketika dia masih menjadi ahli Lembaga Pengarah, apa yang dilakukan oleh syarikat ketika dia jadi ahli Lembaga Pengarah, dia bertanggungjawab. Jadi cuma kita membuka satu jalan kepada dia kerana sudah tidak boleh sangat bersefahaman dengan partner dia tadi, bagi satu jalan iaitu dia boleh letak jawatan dia dan kalau ianya tidak diganti, maka automacically it is wound up. Ini cuma cadangan sayalah.

Saya fikir macam saya sebut sebentar tadi, kalau kita kahwin, kalau tidak ada persefahaman, kita boleh cerai.Jadi, kalau dalam business kita tidak" boleh get along, tetapi Akta kata, "Tidak, you must get along", I think sukarlah bagi kita untuk mempertahankan kedudukan seperti itu.Secara umun, saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian sebab saya tengok bersungguh-sungguh Kementerian hendak memastikan bahawa tidak berlaku perkara yang boleh menyebabkan iklim perdagangan kita dalam negara ini ,terjejas yang mana orang

kata banyak penipuan yang berlaku di dalam perniagaan di tanah air kita ini.

Saya lihat bahawa dari segi kenaikan denda dan juga jel, kenaikan denda ini bukanlah sepertimana yang kita lihat dalam kenaikan denda-denda yang berlaku di bawah Akta-akta lain. Kalau kita tengok denda-denda ini dinaikkan di, bawah Akta-akta lain, kerana inflasi sebab kalau dahulu \$200, sekarang jadi \$250. Jadi kadarnya tidak begitu tinggi dan kenaikan denda itu ialah kerana inflasi. Tetapi kenaikan denda di bawah Akta Syarikat ini bukan kenaikan kerana inflasi. Kenaikan denda di bawah Akta ini menunjukkan keseriusan, kesungguhan Kementerian untuk memastikan supaya tidak berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dalam suasana perdagangan dalam tanah air kita.

Sebab itu saya ucap terima kasih kepada Menteri. Cuma satu sahaja saya minta ini bila sokong ada sokong cuma iaitu soal Polis. Kita hendak tunjuk kepada orang bahawa kita adalah serious dalam soal hendak menghalang berlakunya penipuan dalam perniagaan.

Saya tengok dalam Akta ini pun ia kata "Yang berhak untuk datang menggeledah ialah Inspektor". Saya mahu kalau boleh Akta letakkan pangkat itu tinggi sedikit. Bagi inspektor ini kita letak ASP. Saya bukan kaca tidak yakin dengan inspektor, tidak, tetapi kita tahu bahawa inspektor ini merupakan satu pangkat, selalunya pangkat permulaan bagi orang-orang yang mahu masuk di dalam police force. Jadi, dia baru, bila dia baru, maklumlah bila baru, muda, jadi macam mana kita hendak serahkan satu perkara yang berat untuk dia menggeledah? Kadangkala dia masuk dalam office itu pun dia tak tahu apa benda dia hendak cari. Sebab itu kalau Kementerian benar-benar, beria-ia bersungguh-sungguh untuk menunjukkan bahawa kita memang serius untuk meneghcnisikan perbuatan pcayelewengan ini berlaku dalam syarikat dalam tanahair kita, maka kita tunjukkan bahawa penggeledahan, penyiasatan hanya boleh dilakukan oleh ASP ke atas. Barulah nampak-serius sedikit, barulah kita yakin kalau ASP datang, saya kira kalau ASP, saya tidak tahu apa paku dia ada, maknanya bersungguh-sungguh. Tetapi kalau inspektor yang datang, jadi nampak macam kita tidak serius hendak menyelesaikan masalah. Sebab kadangkala kalau berlaku dalam police force itu sendiri, kalau ASP malas pergi, "jdhi you inspektor, you pergilah". Jadi ini-seolah-olah sambil lewa. Sebab itu, kalau boleh, saya cadangkan supaya pangkat itu ialah ASP ke atas, bukan inspektor ke atas. Jadi, ini pandangan saya secara umum berkenaan dengan pindaan terhadap Akta Syarikat ini,

Secara khususnya saya ingin bangkitkan beberapa perkara di dalam Akta ini. Pertamanya, mukasurat 2.....

Jen (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth: Yang

Berhormat, Yang Berhormat minta tunggu sebentar, ya. Mengikut Peraturan Mesyuarat, saya ingin menjeraput Yang Berhormat Tuan Haji Azman Atar untuk menggantikan saya sebentar. Dipersilakan Yang Berhormat.

[Tuan Haji Azman Atar bin Othman mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Dipersilakan seterusnya.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih, Yang

Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Jadi, secara khusus saya ingin bangkitkan beberapa perkara. Pertamanya, mukasurat 2 di bawah Fasal 4, Seksyen baru 7B, 7C dan 7D.

7B(1), "Power Co conduct inspeccion", di antara lain, ia mengatakan:

"...the Registrar may have access to any place or building and may inspect...."

Perkataan yang periting di sini yang saya hendak bangkitkan ialah "may" dalam ayat "...the Registrar may have access...". Jadi, perkataan "may" ini tidak kuatlah, sebab kalau Registrar ini dia masuk menggeledah, menyiasat bangunan, oleh kerana perkataan "may" ini, syarikat yang di geledah itu boleh bawa Pendaftar ini ke Mahkamah untuk mempertikaikan tentang haknya untuk-mengeledah sebab-perkataan "may" - "may" ini bermakna "boleh". So, dengan perkataan "boleh" ini, maknanya dia boleh dipertikaikan. Saya cadangkan "may" ini kita buang, kita bubuh "shall" "akan". Bila kaca "Pendaftar akan atau shall have access", so there is no question about it dan tidak boleh dibangkitkan lagi. Maknanya syarikat tidak boleh

persoal lagi seperti "Apa Pendaftar ini ,dia ada hakkah menggeledah syarikat saya?", kalau Akta mengatakan dia "shall have". Sebab Akta kata "may have", ini masih lagi boleh dipertikaikan dan dia boleh dibawa ke Mahkamah.Tetapi kalau kita kata "Pendaftar ada hak" ataupun "akan memasuki", maknanya Akta sudah beri kuasa dan ia tidak boleh dipertikaikan. Dia ini tidak boleh bawa ke dalam Mahkamah, dengan izin, because the Act has given the right to the Registrar to go into any place or building.

Jadi, kalau kita lihat daripada segi Akta ini, banyak kuasa yang hendak kita beri kepada Pendaftar supaya dia mempunyai segala bantuan yang diberikan kepadanya ,untuk mengatasi masalah yang berbangkit dalam soal, syarikat ini. Sebab itu, kalau boleh, saya cadangkan pindaan iaitu "...the Registrar shall have access..." supaya jangan Pendaftar ini rasa bimbang sebab kalau dia masuk, nanti kalau syarikat itu bawa dia ke Mahkamah, susah pula dia. Tetapi, kalau kuasa itu dijadikan sebagai "shall have access", maknanya dia tidak payah bimbang, dia boleh, jalankan tugas, dia tidak perlu takut iaitu syarikat akan challenge his right in court. Sebab itu saya rasa kalau kita benar-benar hendak memberikan kuasa yang banyak kepada .Pendaftar sepertimana yang kita lihat ada pada hari ini, we might as well give him the full power.Jadi, saya cadangkan "may" itu digantikan dengan perkataan "shall".

Dalam mukasurat yang sama juga seksyen baru 7B(2). Ini juga mengenai perkataan "may", iaitu:

"...The Regiscrar may by notice in writing..."

Kalau kita letakkan perkataan "may" dan bukan "shall", masalahnya adalah dua. Kalau kita kata "Registar may by notice" in writing..",

maknanya kita beri budi bicara kepada Registrar, iaitu sama ada dia hendak hantar notice by writing pun boleh, dia tak mahu hantar pun boleh. Yang menghadapi masalah nanti ialah syarikat yang hendak digelidahkan itu sebab dia tidak dapat notis, sebab ini ada budi bicara Registrar. Registrar ini "may by notice in writing require...". Dia hendak tulis pun boleh, dia tidak mahu tulis pun boleh. Kalau kita hendak menyelesaikan masalah, dan untuk berlaku adil kepada syarikat yang akan digelidahkan, kita kata "Registrar shall by notice..." supaya Registrar tidak ada budi bicara sama ada dia hendak hantar notice by writing ataupun tidak, tetapi dia kena hantar notice by writing supaya syarikat yang akan digelidahkan itu akan tahu bahawa ia akan digelidahkan. Sebab itu perkataan "may" ini kita tukar lagi, kita kata "shall" supaya berlaku adil kepada syarikat yang hendak digelidahkan itu dia tahu sahaja mesti ada notice in writing, maka dia kenalah. Tetapi kadangkala kalau kita kata "may", maknanya ia adalah budi bicara Pendaftar. Pendaftar mungkin tidak buat notice in writing to the syarikat, mungkin dia hubung dengan-phone ataupun apa. So itu tidak adil kepada syarikat yang hendak digelidahkan sebab semua perkara ini must be in writing.

Jadi, sebab itu saya cadangkan dalam perkataan "For" the purposes of this section, the Registrar may by notice in writing...", bagi perkataan "may" ini kita bubuh "shall", Kita bubuh "shall", bermakna Registrar tidak ada budi bicara dan kalau dia itu hendak check, dia mesti hantar, dengan izin, notice in writing, and that is only fair to the company which is going to be investigated.

Mukasurat 3, "power to conduct investigation" di bawah seksyen baru 7C(2). Di sini'dia mengatakan, dengan izin:

"Whenever it appears to any Magistrate upon written information and after such enquiry as he thinks necessary...",

Oleh kerana kita hendak beri kuasa kepada Pendaftar ini, bila letak perkataan "**and**" di situ, bermakna pendaftar, mesti buat, sebab di sini ada disebut "upon written information" dan setelah enquiry ataupun penyiasatan dibuat. Saya bimbang apabila benda ini, iaitu Pendaftar kena ada enquiries dan,'dengan izin, by the time you have the enquiries, the company will know what is going on dan dia akan sembunyikan segala maklumat itu. Sebab itu saya ingin cadangkan iaitu kita gugurkanlah perkataan "and after such enquiry as he thinks necessary" - gugurkan ini semua. Kalau kita hendak siasat, kita siasat dan dalam seksyen-seksyen lain, kita- hendak beri kuasa penuh kepada Pendaftar, tetapi dalam seksyen ini kita pula katakan dia mesti buat penyelidikan.

Penyelidikan ini, kita hendak buat maknanya dibuat dengan sulit. Mesti ada orang mengetahuinya. Jadi, apabila hendak buat penyelidikan, ini bukan boleh dibuat dalam satu-dua hari. Kita bergerak mulut sedikit, orang tahulah. Dalam masa seminggu kita hendak buat, semua bukti-bukti telah disembunyikan ataupun telah dibakar dan tidak ada bukti yang boleh didapati pada enquiry ini. Jadi, saya ingin mencadangkan kita drop perkataan "and after such enquiry as he thinks necessary," itu buang. Drop it. Jadi, sepatutnya dibunyi "Whenever it appears to any Magistrate, upon written information that there is reasonable cause...." Cukup. Tidak payah dia hendak membuat enquiry lagi dan sebagainya. Sebab ini kita terlibat dalam perkara yang mana bukti-bukti itu boleh digugur dan disembunyikan. Sebab itu "time of essence", masa itu penting, maka cadangan saya, kita gugurkan perkataan yang saya telah sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mukasurat 4, dalam perkara yang sama, 7C(4). Di sini, daripada perkataan "The Registrar may grant...." dan seterusnya hingga ke barisan 5, "investigation under this Act if such person is entitled to inspect such accounts, book or document under this Act," Saya ingin bertanya iaitu perkataan "if such person

is entitled?" Pada pandangan siapa ini "if such person is entitled," Siapa yang hendak menentukan "whether that person is entitled." Siapa yang hendak menentukan? Ia terlalu umum. Jadi, sebab itu saya rasa kita letakkan perkataan "if such person is entitled", tarablah dengan perkataan "in the opinion of the Registrar." Mengikut pandangan Registrar, dia berhak untuk "entitled to inspect such accounts." Jadi, adalah orang yang bertanggungjawab yang hendak menentukan siapa yang "entitled to inspect." Kalau dia macam ini sahaja, maka orang akan membangkitkan kes ke mahkamah lagi. Bangkitkan soal bukan bukti itu sah atau tidak, tetapi siapa yang berhak untuk "inspect". Saya minta iaitu dibawa ke dalam Akta ini supaya diberikan tanggungjawab kepada sesuatu orang bahawa dia berhak untuk menentukan siapa yang berhak untuk inspect. Jadi, sebab itu saya minta perkataan "in the opinion of the Registrar", kita tambah selepas perkataan "entitled". Jadi ini akan membunyi "If such person is entitled in the opinion of the Registrar." Saya ingat ini kita beri tanggungjawab kepada seorang untuk menentukan siapa yang berhak untuk inspect supaya ianya tidak akan dibangkitkan sebagai satu isu pula dalam mahkamah untuk menentukan sama ada orang itu "entitled" ataupun tidak.

Mukasurat 4, perkara 7D (1), sekali lagi saya minta bahawa perkataan "may" itu hendaklah diletakkan dengan "shall". Tujuan saya menyatakan mengapa ia hendak diletakkan dengan "shall" sebab ia ada dua perkara. Supaya pendaftar tidak akan dibawa ke mahkamah untuk dipersoalkan berkenaan dengan keputusannya untuk membenarkan

seseorang itu di'investigate'.Sebab bunyinya di sini, "for the purpose of any investigation, under Section. 7 , the Registrar may by notice in writing." Jangan "may", "shall" terus.Maknanya kuasa kepada pendaftar dia beri notis. Jadi, kalau perkataan "may" ini, mana orang boleh dipersoalkan. Pendaftar ini sebenarnya ada budibicaranya dan bila benda ini boleh budibicara, orang boleh bersoal budibicara sama ada dalara menjalankan, membuat keputusan budibicara kita"ini, sama ada kita telah memikirkan semua faktor di sebaliknya. Sebab itu, kita kata Registrar jangan meletakkan mereka ke satu tempat yang mana dia terpaksa pergi ke mahkamah. Keputusannya itu akan dipertikaikan.Sebab itu kita kata "shall".Maknanya "Registrar shall by notice." Jadi, kalau.....

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun hendak minta penjelasan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, mengenai "may" atau "shall" ini, "may give notice." Kalau dia beri notis, the mode of different notice maybe some other notice, by telephone ataupun cara lain. Orang pergi ke rumah hendak beritahu. Itu satu. Tetapi soalan saya ini "may not" - "Registrar may not give notice." Jadi, mengikut tafsiran ini, saya hendak bertanya Yang Berhormat, kalau Registrar terus tidak beri notis, bolehkah dia gelidah pejabat tadi?

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Kalau saudara Yang Berhormat sebutkan tadi, "may" bermakna kalau bukan dengan writing,

kita boleh buat dengan telephone call, yang ini kita tidak mahu. Sebab bila kita kata "by telephone call", siapa pun boleh call. Dan soalnya notis .itu diberi atau tidak boleh dipertikaikan sebab syarikat kata "I only hear from your clerk," dengan izin. Jadi, ini dipertikaikan tetapi kalau "by writing" bermakna "shall", maknanya tidak ada pilihan. Mesti dengan writing. Bila dengan writing, itu bermakna bukti. Written notice is a full proof to show that a notice has been given. Kalau tidak, by phone call or by going to the house dengan izin, maknanya ini semua boleh dipertikaikan. Yang pergi itu mungkin orang kerani pendaftar. Jadi orang akan pertikai apakah notis menerusi lisan daripada kerani pendaftar itu adalah dianggap sebagai "the correct notice" boleh dipertikaikan. Sebab itu saya katakan mesej "shall by writing". Kalau di sini, macam Yang Berhormat Tuan Dahalan kata "the Registrar may not by notice", itu bercakap dari segi negatif. "The positive and negative, may not by writing" bermakna serupa juga. Kalau "may not by writing", mungkin "by word of mouth". So, dengan izin, it comes to the same thing. Soalnya sama ada kita hendak ambil pendekatan dari segi positif ataupun negatif itu sahaja. Tetapi soal sama juga.

Tujuan saya katakan ini ialah pertamanya untuk, jangan membayangkan Pendaftar itu bahawa perbuatan itu boleh dibangkitkan dalam mahkamah dan dia akan bimbang. Kalau orang boleh "take him to court, then he will not be able to conduct his investigation properly", dengan izin. Sebab itu kita hendak "by writing", "shall

by writing". Dan apabila kita kata "shall by notice in writing", is also fair to the company. Syarikat itu akan terima by writing. Maknanya kalau tidak ada return notice by Pendaftar, saya tidak peduli sama ada. kerani datang memberitahu sayakah, sama ada dia telefon sayakah, "it does not apply because only by written notice" sahaja yang kita harus buat.

Sebab itu, sekali lagilah saya katakan di sini iaitu perkataan "may" ini, kita tukarlah dengan "shall". Lagi pun bukannya kita hendak menyelesaikan masalah. Let's be firm and positive in this matter. Jadi, ia tidak akan berlaku kurang adil kepada mana-mana pihak. Kita akan berlaku adil kepada semua pihak, kepada Pendaftar yang menyiasat dan juga kepada syarikat yang hendak kena siasat.

Mukasurat 4, 7D(2), sebagai seorang peguara saya rasa bimbang sedikit. Kerana kalau kita tengok 7D(2), mukasurat 4, di bawah sekali, line 3 daripada bawah, dengan izin "and shall not refuse to answer any questions on the ground that he intends to incriminate him." Kalau benda ini kita baca macam itu sahaja, mungkin kita rasa okay, "adil", tidak apalah sebab semua orang kena cerita walaupun ianya akan "incriminate the person."

Kalau kita baca setakat itu tidak apa tetapi kalau kita pergi ke mukasurat 5, dalam subseksyen, (4), dengar. izin:

"(4) Any statement made and recorded under this section shall be admissible as evidence in any proceedings under thia Act in any court, either against, the person who made it or any other person."

Makna kalau saya membuat confession atau membuat statement di bawah 7D(2) ini, saya dikatakan saya mesti membuat statement walaupun ianya akan incriminate saya. Tetapi dalam. seksyen yang sama saya boleh didakwa atas statement yang saya buat, which is not fair. Kalau hendak ambil kes dengan saya, biar ada fair trial. Maknanya kalau saya ada kes, cerita awal-awal kepada saya. You have got a case. Bila I have a case, dan saya tidak akan buat statement seperti yang disebut di sini sebab statement ini kata saya tidak boleh. Saya kena beri maklumat walaupun dia boleh mensabitkan saya. Tetapi kalau saya tidak kena caj, tidak mengapa. Tetapi kalau di dalam 7D(4) ini, statement saya itu boleh digunakan "against me" kalau saya didakwa. That ts not fair. Kalau saya hendak didakwa pun biarlah trial. Have a fair trial, mengikut prinsip justice must not be done, but must be seen to be done. Jadi, saya merasa bimbang sedikit daripada segi prinsip, undang-undangnya tidak betul. Kalau maknanya saya dipaksa mesti buat statement walau ia boleh incriminate saya, tetapi dalam seksyen yang

sama saya diberitahu bahawa segala apa yang saya tulis ini boleh digunakan against me kalau saya didakwa di mahkamah. Jadi, saya minta kalau boleh kita fikirlah sedikit sebab di sini begitu clear iaitu bahawa "justice is not being done". Maknanya belum saya kena dakwa lagi, sebab orang ini tidak salah melainkan kalau dia sudah didakwa dan didapati bersalah. Kalau setakat bukti begitu sahaja, belum bersalah lagi. Sebab itu, saya minta kepada Kementerian daripada segi prinsip undang-undang, fikirlah kembali perkara ini kerana saya merasakan bahawa ianya tidaklah begitu adil kepada orang yang membuat statement di bawah seksyen 7D(2) ini.

Mukasurat 6, Perkara 6 Seksyen 13(a)(2A) bendanya sama "may" itu kita tukar kepada "shall". Saya mahu apabila kita meminda Akta ini, kita pinda dengan tujuan untuk memastikan Pendaftar mempunyai kuasa untuk menyelesaikan masalah yang mana kita harap dia boleh selesaikan. Jadi, dengan alasan yang sama saya harap bahawa perkataan "may" itu hendaklah diletakkan dengan "shall". Apatah lagi kalau kita tengok di bawah seksyen 13 rujuk surut 6 ini, denda yang hendak dikenakan itu agak berat - \$5,000. Maka let's be fair also to the corporation sebab kita tengok di sini kalau default in complying with the notice, penalty \$5,000. Jadi, to comply with the notice ini, make sure the notice is written. Sebab kalau menerusi telefon, kemudian kesahihan notice by telephone itu boleh dipertikaikan dan orang itu hendak dikenakan \$5,000 kalau dia default, saya ingat tidak adil. Kalau dia hendak dikenakan denda \$5,000 kalau dia

default on notice, make sura che notice is written. Maknanya notis itu adalah notis yang bertulis. Oleh sebab itu, saya minta supaya "may" ini juga ditukarkan kepada "shall"

Yang terakhir sekali, mukasurat 21 Perkara 139 berkenaan dengan Company Secretary. , Sebelum itu, saya ingin menyatakan bahawa saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh rakan saya, Yang Berhormat Tuan Rahim dari segi menangani syarikat sama ada sebagai Pengarah ataupun Setiausaha biarlah ada hadnya. Sebab yang pertamanya kita ini bukan superhuman. Saya dengar ada seorang pegang syarikat sampai 200 pun ada. Are we to believe? Kita boleh percayakah bahawa dia mempunyai masa untuk semua 200 syarikat. Kalau satu hari satu syarikat, bermakna daripada syarikat pertama kita hendak mari balik turn dia, 200 hari lagi. Ini kita kata bahawa kita hendak mengemaskinikan soal syarikat ini supaya orang lebih yakin. Tetapi kalau sampai seorang dia boleh pegang 200 syarikat ataupun sebagai pengarah kalau tidak pun sebagai setiausaha syarikat. Apakah kita yakin dia boleh menangani masalah 200 syarikat dengan baik dan kita berpuas hati. Saya tidak yakin. Itu yang pertama.

Yang kedua, apabila seorang pegang 200 syarikat dan kita tengok kadangkala pegawai tinggi Kerajaan yang telah retire, berebut orang hendak ambil dia sampai pegang baayak syarikat. Ada seorang bila dia retire, mungkin dia pegang sampai 10 atau 20 syarikat. Tetapi pegawai Kerajaan yang retire bukan dia seorang. Ramai lagi KSU-KSU yang lain atau Timbalan KSU yang lain yang telah berhenti. Takkan

dia seorang sahaja hendak pegang sampai 200 syarikat, agih-agihlah sama. Ini masalahnya, sebab bila tidak ada had bermakna dia seorang. Kalau seorang itu Superscale A, semua syarikat hendakkan dia, dia berhenti dan last posting sebagai Chief Secretary, semua berebutkan dia. Macam mana dengan KSU yang lain ini. Apakah dia tidak ada kemampuan untuk menjadi Lembaga Pengarah? Sharelah sama, agihlah, jangan dia seorang hendak pegang sampai berebut orang, sehingga 100 syarikat setnua hendak ambil dia sahaja. Kita agihlah sama, KSU Kementerian Pertahanan atau KSU Kementerian ini. Saya sokong pegawai Kerajaan ini.

Oleh sebab itu, had kepada Pengarah pegang syarikat ini, kita mesti hadkan. Contohnya Yang Berhormat sahabat saya sebut 20, ya saya setuju 20 ataupun kurang lagi. 5 cukuplah sebab bila orang itu pegang 5, makna kita akan tahu dia akan tumpukan masa dia sebagai Pengarah kepada 5 syarikat itu. Kita pun percaya. Kalau dia kata "saya jadi Lembaga Pengarah, saya bukan main golf sahaja, saya jaga," saya percaya sebab dia pegang 5 syarikat sahaja. Tetapi kalau dia pegang 200 syarikat, dia hendak beritahu kepada saya bahawa dia handle semua, itu raenipulah.

Sebab itu, saya kata saya bersetuju dengan sahabat saya berkenaan dengan perancangan Lembaga Pengarah syarikat, kita hadkanlah sebab kita hendak memastikan tiap-tiap pengarah ini menjalankan tugasnya dengan baik. Kita tidak mahu pengarah semata-mata menjadi pengarah. Dia sign sahaja, dia dapat elaun dan dia tidak kisah dengan syarikat hendak jadi apapun. Kita mahu Pengarah Syarikat

dalam hendak mencapai Wawasan 2020 ini mesti daripada sekarang memastikan Pengarah itu mengambil berat tentang perkara yang berlaku di dalam syarikat dia. Sebab itu kita tidak boleh beri dia lebih daripada 5. Ini kita serius bukan kita main-main. Itu pertama.

Yang kedua, kica hendak agih. Di dalam masyarakat negara Malaysia kita ini, kita tidak menghadapi ketandusan orang-orang yang boleh menjadi Lembaga Pengarah. Kalau diberikan kesempatan yang sama raunkin lebih baik pun kita boleh buat. Oleh itu, saya mencadangkan dan menyokong sahabat saya supaya dihadkan menjadi Lembaga Pengarah ini kepada 5 syarikat sahaja, cukup jangan lebih daripada itu.

Kalau lebih daripada itu kita tahu dia menipu, bukan dia membuat kerja, dia hanya duduk, pagi-pagi kadangkala main golf sahaja, dia tidak tahu apapun yang berlaku dalam syarikat dia. Ini benar berlaku. Jadi kita hendak mengelak, bukan sahaja kita hendak menahan orang yang hendak menipu, tetapi Pengarah yang tidak menjalankan tanggungjawabnya, inipun kita hendak kena check, supaya orang yang menjadi Pengarah benar-benar faham tentang perjalanan syarikat yang mana dia menjadi ahli Lembaga Pengarah.

Dalam soal yang sama mengenai setiausaha. Setiausaha ini saya rasa memang sudah sampai kepada masanya. Saya ucapkan tahniahlah, walaupun Menteri tidak ada, tetapi Setiausaha Parlimen ada. Saya ucapkan tahniah, high time, sudah sampai pada masanya, kalau betul kita hendak pastikan perjalanan syarikat ini baik, setiausaha dia itu penting, sebab setiausaha inilah yang akan memastikan iaitu sama ada minit-minit mesyuarat ini berjalan dengan baik, akaunnya pun baik, dan dia akan memastikan kalau sudah setahun tidak bermesyuarat, ingatkan kepada Pengerusi untuk mengadakan mesyuarat, kerana sudah setahun tidak bermesyuarat. Ini penting. Sebab itu kalau dia itu memegang jawatan yang penting, maka kita harus adakan peruntukan yang mana Pendaftar boleh memastikan bahawa mereka menentukan siapa yang berhak untuk menjadi setiausaha dalam syarikat-syarikat yang didaftarkan ini.

Saya lihat di sini iaitu dengan 12111

"139A. No person shall act as a secretary of a
company unless -
(a) x x x x x x x x x x x x x x x x
(b) he is licensed by the Registrar for that
purpose:..."

Saya minta supaya Kementerian menyediakan jadual untuk membantu Registrar bagi memastikan kerana dia berhak memberi lesen for the purpose of becoming a company secretary. Kita mesti sediakan jadual supaya menjadi garis panduan kepada Pendaftar, untuk dia membuat keputusan sama ada orang ini berhak ataupun tidak menjadi setiausaha syarikat, sebab kalau kita biarkan macam itu sahaja dia kelam-kabut, apa panduan dia, hak dia hendak membuat keputusan untuk memberi orang ini lesen ataupun tidak. Jadi saya harap supaya jangan benda ini diserahkan bulat-bulat kepada Pendaftar, saya minta Kementerian yang memutuskan jadual ini sebagai satu garis panduan kepada Pendaftar untuk membolehkan seseorang itu mendapat lesen sebagai setiausaha syarikat.

Yang akhir sekali, muka surat 22. Seksyen 139C (1) ini menyatakan syarat-syarat yang boleh, dengan izin

"139C. (1) A person shall be disqualified to
act as a secretary ..."

Seksyen 139C(3) menyatakan, dengan izin:

"139C(3) If a person continues to act as a
secretary for a company after he is so dis-
qualified under this section without leave

of the Court, he and every director who knowingly permits him to act in that capacity shall be guilty of an offence."

Yalah dia guilty, tetapi apa dendanya? Betullah dia guilty, maknanya he is guilty of an offence. Jadi guilty sahaja, tidak ada disebut akan didenda Pengarah itukah, atau orang itukah \$5,000 ataupun jel. Saya minta tolong penuhi (complete) seksyen ini yang mana orang yang melakukan kesalahan ini sebutlah berapa dendanya, jangan kita sebut dia guilty of an offence. Kita tidak ada kenakan denda apa-apa terhadapnya, Jadi saya ingin minta supaya Kementerian tambah di situ, kenakan apa dendanya, jelkah, finekah.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang penuh kesabaran mendengar satu persatu perkara yang saya bangkit secara terperinci.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di atas kesungguhan untuk memastikan bahawa iklim perdagangan tanahair kita ini adalah baik supaya dapat meyakinkan lagi pelabur-pelabur asing datang ke negara kita, untuk melaburkan wang mereka dalam syarikat-syarikat yang ada dalam tanahair kita -ini.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih serta tahniah dan dengan ini saya menyatakan iaitu bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Akta Syarikat (Pindaan) 1992. Terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Dipersilakan Yang Berhormat

Tuan Dahalan bin Haji Embun.

6.07 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana mmberi saya peluang untuk bersama-sama membahas dan seterusnya menyokong di atas Rang Undang-undang Syarikat. (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kedua-dua Ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya tadi telahpun membuat kupasan, ulasan dan telahpun dicincang semuanya ke tahap yang begitu detail, jadi saya tidak akan sebut lagi apa yang telah mereka sebut. Walau bagaimanapun, saya akan bercakap secara umum dan mungkin khusus kepada Rang Undang-undang ini di atas satu ataupun dua perkara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana berusaha untuk membawa satu peraturan atau panduan untuk kendalian syarikat-syarikat supaya ini mengikut kehendak Kerajaan dan rakyat, begitu juga untuk public corporate, lebih-lebih lagi pelabur-pelabur luar negeri memberi keyakinan penuh kepada pihak Kerajaan kita supaya ramai lagi pelabur asing akan raasuk ke negara kira.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita faham sungguhpun ada undang-undang, peraturan dan sebagainya masih ternampak lagi loopholes yang begitu luas untuk penjenayah white collar ataupun commercial crime ini, memang mereka sudah nampak, kalau undang-undang begini dia pusing ke sana, memang ada lubang, ada celah-celah

untuk mereka bergiat, Jadi modus operandi white collar criminals ini susahlah kita hendak kesan, tetapi seperti saya sebut tadi, sungguhpun kita ada peraturan ini, mereka tetap dengan objektif mereka untuk hendak mengaut wang daripada rakyat, daripada bank-bank dan daripada mana sahajalah yang ada supaya wang ini jatuh ke tangan mereka. Mereka tentu sekali raengaturkan strategi-strategi, taktik-taktik dan teknik-teknik yang susah kita kesan dan susah kita hendak mengambil tindakan.

Saya ingin menyentuh dalam sampingan ini iaitu Seksyen 24, banyak perkara-perkara oleh sebab saya sebut tadi loopholes bukanlah saya expert dalara ini tetapi saya dapati sungguhpun kita ada Seksyen 24 ini, iaitu menyekat menjadi Pengarah di syarikat lain sekiranya syarikat yang sekarang itu bermasalah. Jadi tujuan white collar criminal ini memang hendak control duit, kontrol sistem dan kontrol orang. Inilah mustahaknya "sistem, orang dan duit", bagaimana dia hendak kontrol, bagaimana hendak ambil, hendak beri wang jatuh ataupun macamana hendak mempengaruhi seseorang itu supaya mengikut apa yang dicakap.

Inilah yang saya sebut secara halus tadi, sungguhpun kita ada sistem, tetapi dia ada cara untuk hendak mengelak daripada sistem tadi. Salah satu daripada loopholes yang saya nampak ini iaitu kita sebut tadi 'Syarikat' iaitu Sendirian Berhad, Public limited Companies, listed ataupun non-listed. Tetapi untuk seseorang hendak menipu, dia boleh tubuh juga benda yang lain, di bawah akta perniagaan sebagai seorang proprietor, sebagai partnership, partnership pun boleh sampai 25 orang ahli, kalau saya tidak silap, boleh juga dia kumpul modal daripada situ dan boleh juga bergiat sebagai halal.

Ini kalau dia hendak buat secara halal. Tetapi ramai orang buat pun tidak secara halal. Tanpa pendaftaran pun dia boleh tipu juga yang banyak kita nampak. Ini salah satu cara.

Jadi, saya hendak tahu sama ada Rang Undang-undang ini meliputi undang-undang sole proprietorship dan partnership. Adakah sekatan ini hanya untuk dalam syarikat sahaja tidak termasuk sole proprietorship dan partnership. Maknanya secara legal mereka dapat juga membuat business.

Berhubung dengan ini juga, kita dapati kuasa resolution sama ada AGM atau EGM. Saya bukan director tetapi saya boleh sign cheque, Yang mustahak sekali saya kata tadi, hendak tipu duit. Kalau director pun tidak boleh sign cheque tidak boleh keluar duit juga.

Jadi di sini, kalau saya tidak jadi director lagi dalam satu syarikat ataupun dalam mana-mana syarikat, oleh sebab Rang Undang-undang ini, saya boleh juga sign cheque oleh sebab resolusi syarikat tadi telahpun membenarkan saya sign 'cheque di bank itu untuk hendak mengeluarkan wang.

Jadi, ini satu perkara yang saya ingat sebagai satu loophole yang patut kita tengok secara halus. Banyak cara lagi. Cara "Power of Attorney". Ini kuasa kuat. Absolute power, dia boleh beri kepada seseorang itu. Jadi, tidak perlu dia ada syarikat, dia ada P.A. pun sudah cukup. P.A. tadi dapat dikuatkuasakan di mahkamah. Mahkamah tidak akan menghalangnya, oleh sebab dia ada pegang P.A. Jadi, ini lah salah satu daripada caranya.

Begitu juga dalam AGM, mesyuarat-mesyuarat syarikat. Sungguhpun kita tidak jadi Pengarah, tetapi kita boleh menjadi substantial shareholder. Kita boleh kontrol dalam AGM, oleh sebab kita shareholder. Kita berhak untuk hendak menghadiri mesyuarat

tadi. Boleh juga kita kontrol melalui pegangan share tadi. Ataupun kita menjadi sebagai seorang manager dalam syarikat itu. Sebagai Adviser mungkin tidak boleh, secara trustee, oleh sebab ini sudah termasuk, Ataupun secara memegang blank shares, hanya kemudian sahaja kita masukkan nama, membuatkan transfer.

Jadi, saya nampak banyak betul cara-cara modus operandi untuk white collar macam mana hendak mengelakkan Rang Undang-undang ini. Maka perlulah rasa saya di *fighten the knot* sedikit. Tetapi bagaimana kita hendak tighten ini satu perkara yang amat rumitlah. Mungkin saya tidak tahu, kalau hendak mengikut kepada undang-undang di bawah commercial crime, sama ada ini boleh dilaksanakan untuk hendak menguatkuasakan Fasal 24 tadi.

Jadi inilah setengah-setengah soalan yang saya tujukan kepada pihak Kementerian. Selain daripada ini kita dapati ada juga syarikat-syarikat joint-venture ini. Dalam Memorandum of Article (M&A) sudah beri kuasa dalamnya kepada seseorang Pengarah itu. Dia diberi kuasa untuk merabuat sesuatu. Jadi, bagaimana kalau sudah ada conflict antara peraturan dalam M&A dengan peraturan dalam Rang Undang-undang ini. Jadi, ini pun rasa saya satu perkara yang patut kita tengok.

Tuan Yang di-Pertua, disebut tadi-kita hendak mencegah keadaan ini supaya tidak berlaku. Sekiranya sudah berlaku, kita hendak ambil tindakan. Tetapi kalaulah sekiranya pula Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyoal di sini, yang insolvent company tadi. Kalau dah

business trend begitu, dalam keadaan inflasi, dalam keadaan recession; ini genuine. Dalam masa genuine ini untuk survival orang buat apa 'sahaja. Macam-macara business trick co-survive. Macam manakah kalau ini terjadi juga? Company sudah jadi insolvent juga? Kita bukan hendak tipu but it is a business-trick to survive?. Kita ikut semua business etiquette. tetapi kalau, selepas kita ikut ini pun dia jadi juga atau terpaksa menjadi insolvent juga, jadi bagaimana kedudukan Pengarah-Pengarah tadi. Saya ingin tahu sangatlah, fasal ini history boleh berulang.

Jadi, perkara ini pun rasa saya pihak Kementerian perlulah beri penjelasan supaya kalau sudah keadaan macam ini janganlah pihak pengusaha pula tertindas sekali lagi, terus tidak boleh jadi Pengarah. Terus jadi bankrap. Bila sudah jadi bankrap hendak bayar hucang pun tidak boleh. Macam-macam masalah. Oleh itu, saya hendak penjelasan juga berkenaan dengan ini.

Selain dari itu, mengenai Pengarah-Pengarah yang jadi guarantor ini Jointly and severally. Bagaimana, kedudukan mereka pula di dalama" keadaan begini seperti di Fasal 24 ini. Bila sudah jadi guarantor sudah tidak boleh lari. Lebih-lebih lagi kalau personally. Tetapi di sini kalau jointly and severally as Directors. Kalau dia tidak jadi Director lagi rasa saya secara automatik dia tidak bertanggungjawab lagi. Tetapi bagaimana pula ini. Macam mana kita hendak bertanggungjawab kepada bank? Bank sudah tahu dia ini jointly and severally, Sudah sign ini sebagai guarantor. Tetapi sekarang sudah terlucut daripada jadi guarantor.

Saya pun suka begitu terlepaslah tanggungan untuk membayar hutang, kalau ini keadaannya. Kalau sekiranya Director ini tidak sign sebagai personal guarantor. Ini satu penjelasan yang saya minta jugalah.

Jadi, satu-dua perkara sahaja lagi yang ingin saya sentuh. Tadi saya telah sebut sedikit sebanyak mengenai ultra vires iaitu kegiatan-kegiatan yang kita buat melanggar daripada M&A Rasa saya perlaksanaan Rang Undang-undang ini, mungkin akan melibatkan aspek ultra vires. Memang sudah ada konflik tetapi kita tengoklah macam mana kita hendak selesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah seperti Yang Berhormat Yang Berhormat sebelum saya telah menyebutkan tadi mengenai dua tiga perkara yang lain lagi iaitu sebagai penipuan ataupun sebagai helahlah ini. Tetapi ini memang tidak jadi salah. Contohnya masuk-kan aset seperti tanahkah, bangunankah daripada personal kepada syarikat. Kalau saya jadi Pengarah pun saya tidak mahu tanah saya ataupun rumah saya atau bangunan saya dinilai secara rendah. Mesti ada premium. Ini banyak berlaku supaya share holding dalam syarikatnya itu pun naik sedikit, paid-up capital itu naiklah sedikit. Bila paid-up capital sudah naik, makna kata dia pun boleh dapat ratio yang lebih tinggi untuk mendapatkan pinjaman di bank-bank. Kalau dia ikut gearinglah.

Jadi, saya ingin tahulah di bawah aspek ini di bawah undang-undang mana kita boleh dapat mencegah daripada berlakunya Pengarah-Pengarah yang membuat kegiatan ini, lebih-lebih lagi di syarikat-syarikat atau public company. Saya tidak ada buktilah, tetapi rasa saya memang benda ini berlakulah.

Kalau betul-betul berlaku, saya minta pihak Kementerian membuat penyiasaan dan mengeluarkan satu peraturan supaya nilai sesuatu syarikat itu tidak menjadi begitu inflaced daripada segi paid-up capital. Modus operan di mereka ini memang bijak, mereka tubuhkan syarikat, mereka inject masuk aset sebagai capital dengan tujuan hendak menjual syarikat itu kemudian dengan harga yang tinggi. Jadi orang tertipu willing buyer and willing seller. Kalau syarikat itu memang begitu aktif, ada potensi untuk berkembang, itu tidak mengapa, tetapi kebanyakan hanya menjadi sebagai batu luncutan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sayu sebutkan tadi saya akan sentuh satu dua perkara sahaja khusus kepada Rang Undang-undang ini. Satu, mengenai Fasal 10 mukasurat 30, dalam penjelasan mengenai syarikat yang bertukar nama. Di sini diberi masa satu tahun supaya nama itu dioverlapped dan selepas itu mereka boleh menggunakan nama baru. Itulah fahaman saya. Lebih-lebih lagi untuk syarikat public, saya rasa ini memang satu perkara yang wajar tetapi masa itu seelok-eloknya ditambahkan lagi ataupun dikekalkan untuk memberi masa yang lebih lama sedikit oleh sebab kadang-kadang public inipun 'short of-memory' sangat. Bila dia-sudah short of memory itu macam macam boleh jadi. Itu satu.

Kedua, mengenai setiausaha. Tentang age qualification yang 18 tahun atau 21 tahun itu memanglah ada kaitan dengan prestasi syarikat, Tetapi saya dapati selain daripada qualification umur ini tidak disebut qualification lain untuk hendak menjadi setiausaha syarikat. Dahulu ada ura-ura menyebut bahawa seseorang

setiausaha syarikat ini mestilah profesional iaitu yang memegang, sebagai contoh, daripada ACIS (Associate Certified Institute of Secretaries) ataupun kelulusan yang lain. Di sini kalau dihadkan pada 18 tahun, baru lepasan Form V, maknanya baru keluar sekolah. Kalau baru lepas sekolah apa yang dia tahu fasal syarikat? Orang suruh sign, dia signlah tidak tahu langsung fasal syarikat ini. Kalau yang drop-out itu bolehlah sebab tiga, empat tahun raereka sudah berniaga sedikit, tecapi kalau baru keluar sekolah ini apa yang tnereka tahu? Hendak sign sebagai secretary tetapi tidak tahu langsung undang-undang hendak jadi secretary. Kalau dia buat salah, dia salah. Kita sudah tahu yang dia tidak tahu, dan kalau dia buat salah, dia jadi salahlah. Di sini siapa yang salah? Dia salah? Oleh sebab kita, buat undang-undang macam itu, siapa yang salah, dia salahkah? Sebenarnya, kitalah yang salah. Sepatutnya kita beri latihan sedikit. Profesionalisrae tadi kita patut mementingkan. Umur 16kah, 17kah atau 18kah tidak menjadi hal.

Saya pun dahulu cuba hendak menjadi company secretary banyak sangat borang-borang, macam-macam borang, setengahnya lawyer pun tidak tahu. Lawyer pun pergi ke pejabat itu dan bertanya borang apa yang hendak disubmit. Ini cerita betul, bukan melawak, sebab saya pun terlibat dalam perniagaan. Yang di-Pertua lebih-lebih lagi, dia sudah 30 tahun terlibat dalam perniagaan, dia lebih tahu. Tetapi kalau hendak suruh dia jadi setiausaha, mungkin dia tidak mahu, dia akan pergi jumpa Wong & Co dan sebagainya, Jadi inilah satu hal lagi yang kita kena ambil perhatian.,

Selain dari itu mengenai Fasal 30, iaitu resolusi yang telah ditandatangani oleh atau bagi pihak kesemua anggota syarikat. Di

sini tidak disebut mesti ditandatangani oleh berapa orang.Saya tidak tahulah dan mungkin ini akan dimasukkan dalam peraturan. Sebelum daripada ini, ada setengah bank minta satu signature, signature setiausaha pun cukup, dan ada setengah yang minta dua signature setiausaha dan pengarah dan ada setengah yang minta signature semua pengarah termasuk setiausaha untuk menandatangani ini bukan semua shareholders tetapi semua pengarah termasuk setiausaha. Di sini ini tidak disebutkan. Setiausaha sahajakah, dua orang pengarahkah atau setiausaha campur dengan pengarahkah? Jadi vague sedikitlah, tidak clear grey area. Kalau seseorang itu dia menjadi pengarah, dia buat resolution, dia sign.Jadi kita anggap ini dia sign bagi pihak Lembaga sebagai yang telahpun diluluskan dalam Mesyuarat Agung yang telahpun diadakan dengan sewajarnya. Kalau ada 5 orang pengarah dan seorang hendak larikan syarikat dia sign dan bagi kepada bank kerana dalam itu ada disebut dia ada kuasa untuk meminjam bank, kuasa untuk menanda-tangani bagi pihak syarikat dan sebagainya,-maka ini akan menjadi satu masalah yang besar bukan kepada pengarah-pengarah yang lain dan shareholders sahaja tetapi membabitkan banyak pihak.Kita ketatkan di sana tetapi kita longgarkan di sini pula.Di sini disebut pula Mesyuarat Agung.Selalunya resolusi biasa dibuat dalam EGM sahaja (Extraordinary General Meeting) .Apakah Mesyuarat Agung di sini boleh disarankan dengan EGM? Itulah yang saya hendak minta penjelasan yang sangatlah.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu, dua perkara lagi sebelum saya habis, iaitu pertamanya berkenaan 'goodwill'. Banyak orang tubuh syarikat mereka gunakan goodwill sebagai "non-cash asset". Dia jadi

consultant, dia buat working paper. Harga working paper, contohnya, untuk hendak pelihara udang \$100,000 nilainya. Itu dimasukkan sebagai non cash asset, tetapi working paper itu adalah value. Tujuannya ialah hendak menaikkan paid-up capital. Ini banyak berlaku. Saya hendak tahu apakah pendapat pihak Kementerian tentang kegiatan sebegini? Di manakah kita letakkan nilai sesuatu goodwill itu? Sebenarnya ini tidak boleh dinilai dan setengah itu tidak ternilai. Inilah yang menjadi masalah tetapi dimasukkan juga di dalam Borang 24 atau 49, dan ini dianggap sebagai valid. Inilah satu perkara saya minta pihak Kerajaan atau Kementerian untuk memerhati.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengakhiri, mengenai juruaudit syarikat. Syarikat \$2 pun dia kena ada juruaudit juga, \$10 juta \$20 juta pun kena ada juruaudit juga. Di sini ianya ditujukan kepada "juruaudit bertauliah". Kalau satu syarikat baru ditubuh dengan modal \$2 syarikat \$1:\$1 kegiatan mungkin tidak ada. Tahun pertama dan kedua tiada apa-apa pun, dan setengah-setengah syarikat bumiputera ini hendak bergerak pun tidak boleh lagi, oleh sebab tidak ada modal tetapi bila cukup tahun kena beri juga kepada akauntan dan kemudian kena hantar juga kepada juruaudit bertauliah untuk mengaudit akaun-akaun ini. Ini rasa saya berat "sedikit". Eloklah kita bahagi-bahagikan, iaitu bagi syarikat dengan sekian banyak paid-up capital mungkin tidak payah kita employ juruaudit bertauliah.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Yang Berhormat Tuan Dahalan, panjang lagikah?

Tuau Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, sedikit, tidak sampai lima minit. Inilah permohonan saya. Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati oleh sebab masapun sudah cukup, sekian sahajalah dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang dan saya ,menyokong.Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Azman Atar bin Othman: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup, maka jikalau tiada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbahasan, Yang Berhormat Menteri boleh menjawab pada petang esok.

Saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang esok, 1.8.92, hari Selasa. Dewan ditangguhkan sekarang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.